



# selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 14 - 20 SEPTEMBER 2023

www.selangorkini.my

## Henti peralat agama, tegur ahli politik

DYMM Sultan Selangor seru pemimpin termasuk ahli politik veteran supaya tidak tunggang agama untuk raih sokongan hingga pecah belahan masyarakat, sebaliknya harus pupuk perpaduan pelbagai kaum

MUKA 2

### 120 jenis sayuran serendah RM1

Jualan RM1 hingga RM5 dibuat setiap hari antara 6 pagi hingga 9 malam mulai 11 September. Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad bawa bahan segar 75 usahawan Kuala Langat, Klang dan Shah Alam

MUKA 23



Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mewakili kerajaan mengunjungi stan Koperasi Warga Hijrah Selangor di Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (Mihas) di Kuala Lumpur pada 12 September 2023. FOTO NUR ADIBAH AHMAD IZAM ► BERITA MUKA 2

## pancawarna

### Selongkar landasan penting, hilang ditelan masa

Sisa rel Klang-Kuala Selangor sebagai artifak sejarah terabai



14&15

### Cuti 16 Sept saranan Anwar tingkat azam MA63

Idea sejak 2008 gerakkan tekad laksana Perjanjian Malaysia 1963



10

### Semangat patriotisme diwarnai dalam busana

Usahawan hasilkan pakaian tema Hari Kebangsaan, Hari Malaysia



16

## Lepasan Unisel mudah dapat kerja

**KUALA SELANGOR** - Kadar kebolehpasaran lepasan Universiti Selangor (Unisel) merekod 95.7 peratus pada tahun lalu sekali gus mengatasi 90 peratus purata kebangsaan.

Dato' Menteri Besar berkata pencapaian itu meletakkan universiti milik pentadbiran negeri di tangga ke-15 daripada keseluruhan 360 institusi pengajian tinggi (IPT) swasta di negara ini.

Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan fakta berkenaan diperoleh hasil kajian keberkesanan graduan 2022 yang dijalankan Kementerian Pengajian Tinggi pada 24 Ogos.

"Walaupun tangga ke-15, jika diukur dari segi alumni, Unisel memiliki jumlah jauh lebih tinggi dan wajar dibanggakan," katanya dalam istiadat convokesyen ke-17 pada 9 September.

## Anjur pameran udara 2025 di KLIA

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri berhasrat menjadikan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang sebagai lokasi penganjuran Pameran Udara Selangor (SAS) pada 2025.

EXCO Pelaburan, Perdagangan dan Mobiliti Ng Sze Han berkata cadangan menukar lokasi SAS akan dibincang bersama Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB).

"Sewaktu pembukaan SAS 2023 (7 September), Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari maklumkan bahawa Selangor sedang rancang untuk anjurkan SAS di Sepang (KLIA) dan rundingan akan dibuat dengan MAHB.

"Bagaimanapun peralihan lokasi SAS ini tidak mungkin berlaku tahun depan kerana kita memerlukan masa yang panjang untuk buat persiapan. Jadi sasaran tukar ke kawasan lebih luas (KLIA) pada 2025," katanya pada 10 September.

Sze Han mengakui rata-rata pempamer memberi reaksi positif sepanjang tiga hari SAS berlangsung.

**IMBAS DI SINI**  
akbar digital minggu lepas

## Sultan tegur ahli politik veteran

**SHAH ALAM** - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menyeru semua pemimpin politik khasnya senior dan veteran supaya mengelak daripada memecahbelahkan rakyat di negara ini.

Sebaliknya, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bertitah pemimpin perlu menanam dan memupuk semangat perpaduan erat dalam masyarakat pelbagai kaum dan agama



demi kesejahteraan negara.

"Peliharaalah negara kita dengan baik kerana inilah satu-satunya tanah tumpah darah kita yang perlu kita pertahankan kemakmuran dan kedaulatannya," titah Baginda dalam kenyataan pada 12 September.

Baginda menegaskan Raja-Raja Melayu dan Majlis Raja-Raja berperanan dalam memelihara hak kaum Melayu

dan Islam selain menjamin hak dan keselamatan kaum-kaum lain.

Titah Baginda, rakyat dan pemimpin politik juga tidak perlu bimbang berhubung pemeliharaan hak kaum masing-masing dan agama yang dianut di negara ini.

Sultan Selangor turut menyeru polis mengambil tindakan proaktif dalam menyiasat individu yang membangkitkan isu sensitif melibatkan agama, kaum dan kedudukan Raja-Raja Melayu.

### Pelihara perpaduan rakyat

## Henti peralat agama demi sokongan

Oleh **AFFEEQA AFEERA**

**SHAH ALAM** - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menyeru pemimpin politik supaya tidak memperalat agama bagi meraih sokongan dengan memangsakan rakyat untuk kepentingan diri.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj menegaskan perbuatan mengeluarkan fatwa secara tidak bertanggungjawab juga perlu dihentikan demi melihara perpaduan rakyat di negara ini.

Baginda sebagai Pengurus Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam bertitah fatwa yang dikeluarkan ahli politik boleh mencetuskan perbalahan, perpecahan dan keganasan dalam masyarakat yang akhirnya meranapkan tamadun sesuatu bangsa.

"Beta tidak sanggup melihat rakyat berpecah-belah oleh tindak-tanduk sesetengah pemimpin politik yang tidak bertanggungjawab. Ingatan Beta tidak bermaksud menyebelahi mana-mana pihak atau parti.

"Malah Beta memilih untuk mengeluarkan kenyataan selepas pilihan raya

negeri dan pilihan raya kecil selesai bagi mengelakkan ia disalaherti Beta memihak sesuatu kumpulan politik.

"Beta menyeru janganlah agama diperalat bagi meraih sokongan kerana rakyat akan menjadi mangsa kepada perbalahan orang-orang politik yang menunggang agama demi kepentingan diri," titah Baginda pada 12 September.

Sultan Selangor menegaskan fatwa hanya boleh dikeluarkan Jawatankuasa Fatwa Negeri atau mufti setelah mendapat perkenan Raja bagi setiap negeri yang mengeluarkan fatwa itu.

## Tumpu ekosistem, rantai halal

**KUALA LUMPUR** - Kerajaan Selangor menumpukan usaha mengembangkan ekosistem dan rantaian halal bagi memastikan keterjaminan industri itu di negeri ini.

Dato' Menteri Besar berkata komitmen itu termasuk memastikan lebih banyak syarikat multinasional (MNC), pengusaha kecil dan sederhana (SME) serta mikro SME memperoleh pensijilan halal yang diiktiraf juga diyakini dunia.

"Di Selangor kita lebih memikirkan

ekosistem halal kerana sepanjang saya terlibat dalam menarik pelabur dan bincang dengan mereka tentang halal, sebahagian isunya adalah ekosistem dan bukannya produk.

"Ekosistem itu bagaimana pensijilan (halal) sampai ke peringkat dunia dan bagaimana dunia mengiktiraf pensijilan. Pensijilan itu akhirnya dikeluarkan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais).

"Jadi kalau boleh bantu ekosistem ini, kita boleh tahu proses tertentu untuk dapat pensijilan halal selain melahirkan pakar halal di setiap syarikat," kata Dato' Seri Amirudin Shari.

Terdahulu, beliau melancarkan Pavilion Selangor sempena Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (Mihas) edisi ke-19 di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (Mitec) di sini pada 12 September.

## Padanan niaga meningkat 15 peratus

**KUALA LUMPUR** - Transaksi padanan perniagaan Promosi Halal Selangor di Pavilion Selangor sempena Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (Mihas) 2023 dijangka meningkat 10 hingga 15 peratus berbanding tahun lepas.

Ketua pegawai operasi Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) percaya jurusan itu mampu dicapai berdasarkan pertambahan pempamer selain permintaan terhadap industri halal kian meningkat.

"Tahun lepas rekod pencapaian (Promosi Halal Selangor) daripada segi transaksi padanan perniagaan adalah RM55.73 juta dan kita jangka bertambah 10 hingga 15 peratus tahun ini."

"Sasaran ini munasabah untuk dicapai Pavilion Selangor sebab kalau dilihat kesedaran masyarakat semakin meningkat. Begitu juga daripada segi pempamer bertambah 24 peratus dan tiada lagikekangan perjalanan," kata Saipolyazan M Yusop pada 12 September.

Beliau menambah pihaknya menerusi HIS Toyibah Sdn Bhd menyediakan 23 reruai kepada pempamer terdiri daripada syarikat berkaitan kerajaan (GLC), anak syarikat MBI dan syarikat yang bertapak di Selangor.

Menurut Saipolyazan, syarikat berkecuaan terlibat dalam sektor makanan dan minuman, logistik dan pergudangan, bahan ramuan, kosmetik dan dandan diri serta institusi pendidikan dan media.

# Eko-sistem dan sijil Halal Malaysia kini di persada dunia

**M**ENCARI sesuatu yang halal (yakni yang diperbolehkan dalam syariat Islam) adalah kewajipan ke atas semua umat Islam.

Dalam al-Quran, terdapat beberapa firman Allah SWT yang menyentuh perkara berhubung dengan halal. Antaranya, Ayat 168, Surah Al-Baqarah yang bermaksud:

"Wahai sekalian manusia! Makanlah dari apa yang ada di bumi yang halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan, kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang nyata bagi kamu."

Allah telah mensyariatkan kita untuk mengaplikasi halal dalam kehidupan sehari-hari bukan sahaja apa yang dimakan dan dipakai, namun meliputi semua aspek kehidupan.

Definisi halal adalah sangat luas dan bukan sahaja khusus untuk mereka yang menganut agama Islam. Peningkatan jumlah pengguna halal daripada populasi bukan Islam di seluruh dunia turut meletakkan industri ini berada di platform pertumbuhan yang eksponen.

Sehubungan dengan itu, di zaman moden ini, halal meliputi segenap aktiviti yang dilakukan di dalam kehidupan masyarakat termasuklah produk penjagaan diri, ubat-ubatan, perkhidmatan dan pengkomersialan yang berkaitan dengan industri halal itu sendiri.

Ia juga semakin menjadi piawaian pilihan bukan sahaja dalam kalangan masyarakat Islam, tetapi juga bukan Islam.

## MALAYSIA SEBAGAI PENERAJU EKONOMI HALAL GLOBAL

Perkara ini telah ditegaskan sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika berucap melancarkan Global Halal Summit (GHaS) 2023 di Kuala Lumpur pada Selasa lalu.

Pada persidangan antarabangsa itu, Anwar menegaskan betapa dalam pertemuan beliau dengan pemimpin-pemimpin dari Jepun, China dan Korea yang kini merupakan gergasi ekonomi dunia, satu subjek yang acap kali dibangkitkan ialah industri halal dan Malaysia sebagai pusat pengeluaran persijilan halal yang diiktiraf dunia.

Ini, menurut Perdana Menteri adalah satu kelebihan yang perlu disedari dan direbut sepenuhnya oleh negara.

"Begini juga ketika lawatan rasmi saya ke Vietnam dan Laos baru-baru ini, dalam rundingan dua hala yang diadakan, saya ditanya secara terperinci mengenai aspek persijilan halal dan eko-sistem industri halal dan mereka memohon bantuan Malaysia untuk melatih dan membuka laluan kepada pengwujudan rangkaian produk halal di negara mereka.

"Kenapa kita ditanya? Ia adalah kerana dunia mengiktiraf ketelitian dan eko-sistem yang kita wujudkan di dalam industri halal," ujar beliau.

Malah konsep Ekonomi MADANI yang dilancarkan baru-baru ini menzahirkan aspirasi untuk pembangunan negara melalui pengukuhan perdagangan termasuk industri halal yang lebih inovatif dan berdaya saing.

Malah, ini meletakkan Malaysia di landasan yang betul dengan keutamaan yang ditetapkan untuk memupuk daya saing industri halal yang inklusif sebagai salah satu daripada strategi dalam



Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) untuk mempercepatkan pembangunan industri yang berimpak tinggi.

Pertumbuhan sektor halal bukan sahaja didorong oleh populasi Islam di seluruh dunia, tetapi terdapat faktor-faktor seperti nilai tambah, kebersihan dan keasliannya, yang menjadikan produk halal Malaysia berada di kedudukan yang tinggi dan juga menjadi pilihan utama pengguna di negara bukan Islam.

Malaysia telah lama menjadi peneraju industri halal. Kerajaan telah giat membangun dan meningkatkan eko-sistem halal, termasuk penyelidikan dan pewujudan infrastruktur yang baik dan diiktiraf untuk menyokong perkembangan sektor halal negara.

### Ini dapat dilihat melalui:

- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) iaitu agensi yang bertanggungjawab bagi persijilan Halal. Logo Halal JAKIM Malaysia mempunyai reputasi yang sangat baik serta jaminan bahawa produk dan perkhidmatan yang ditawarkan adalah berdasarkan piawaian yang ditetapkan dengan integriti yang diyakini.

- Eko-sistem halal negara diperkuatkannya lagi dengan penubuhan Halal Development Corporation Berhad (HDC) yang bertanggungjawab membangunkan industri halal. Eko-sistem industri ini tidak hanya perlu bertumpu kepada produk makanan dan minuman sahaja namun perlu diperluaskan kepada produk lain seperti kosmetik dan farmaseutikal serta perkhidmatan seperti perbankan dan takaful.

Eko-sistem yang kukuh ini membolehkan Malaysia menjadi peneraju industri halal global yang kompetitif dengan menghubungkan kerajaan, pemain industri serta para pengguna dalam rantaian nilai halal.

Melalui penciptaan peluang, pelaburan, perdagangan, pekerjaan, perkongsian maklumat dan pemindahan teknologi dalam rantaian nilai halal, kita mampu menjadikan industri ini lebih kompetitif dan berdaya saing bagi menangani cabaran perdagangan global.

- Jabatan Standard Malaysia (JSM) turut berperanan untuk memastikan industri halal Malaysia sebagai satu penanda aras terhadap nilai kualiti serta tahap keselamatan sesuatu barang yang menepati piawaian atau standard antarabangsa. Sekali lagi, ini tidak terhad kepada pasaran di negara Islam semata-mata. Kita berbangga apabila Malaysia menjadi negara yang pertama mewujudkan Malaysian Standards atau MS berkaitan Halal yang menjadi rujukan kepada negara Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC).

- Sebagai pelengkap kepada eko-sistem dan ekonomi halal Malaysia, GHaS 2023 akan terus mengekalkan momentum halal ini dengan menyediakan lebih banyak peluang baharu. Pengajuran GHaS ini merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan dalam mempromosi serta mengekalkan reputasi halal, bukan setakat di Malaysia sahaja namun juga di peringkat antarabangsa.

GHaS telah membuka ruang dan peluang serta menjadi platform terbesar kepada semua pemain industri halal dunia, sejajar dengan sasaran kita untuk terus menjadikan Malaysia negara pilihan utama bagi produk dan perkhidmatan halal di peringkat antarabangsa.

Seterusnya, GHaS khususnya melalui program ikoniknya MIHAS, turut berfungsi sebagai pilihan terbaik untuk pemain industri menjalin hubungan dengan rakan-rakan perniagaan dari seluruh dunia.

## MEMPERKASA STRATEGI MALAYSIA SEBAGAI PENERAJU GLOBAL DALAM INDUSTRI HALAL

JAKIM selaku badan yang diiktirafkan oleh kerajaan, bertanggungjawab mengeluarkan Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM) berdasarkan standard halal yang dibangunkan dengan kerjasama JSM. Sejumlah 15 standard telah dibangunkan bagi sektor halal merangkumi skim makanan dan minuman, farmaseutikal, logistik, kosmetik, ujian makmal halal dan perkhidmatan hospitaliti mesra Muslim.

Hari ini kita berada di ambang evolusi industri halal yang mengagumkan, dipacu

oleh permintaan berterusan dari pasaran global. Bagi melindungi cap dagangan Halal Malaysia sebagai harta intelek yang amat bernilai, JAKIM telah mengambil inisiatif untuk melaksanakan proses pendaftaran cap dagangan Halal Malaysia di luar negara melalui SIRIM Berhad.

Sehingga kini, cap dagangan atau logo Halal Malaysia ini telah didaftar dan diguna pakai di 26 negara selain Malaysia termasuk Amerika Syarikat, Brazil, Australia, New Zealand, Jepun, Korea Selatan, Mesir, Emiriah Arab Bersatu dan Kazakhstan.

Buat julung kalinya juga, pemain industri di luar negara berpeluang untuk membuat permohonan secara terus kepada JAKIM bagi persijilan Halal Malaysia, melalui inisiatif terbaru iaitu 'International Direct Application for Malaysian Halal Certification'.

Persijilan Halal Malaysia antarabangsa ini merangkumi tujuh skim iaitu:

- a. Produk makanan dan minuman
- b. Kosmetik
- c. Farmaseutikal
- d. Barang gunaan
- e. Perkhidmatan logistik
- f. Peranti perubatan
- g. Pengilangan kontrak

Inisiatif ini perlu dilihat sebagai satu gerbang yang menghubungkan kita kepada peluang tanpa sempadan. JAKIM meneruskan usaha ini dengan pelaksanaan dan penguatkuasaan 'Manual Procedure for Malaysia Halal Certification (International) 2023'.

Garis panduan yang telah dirangka secara komprehensif ini berfungsi sebagai pemandu arah bagi pemain industri halal bertapak di peringkat global.

Ini bertujuan untuk memelihara integriti dan keyakinan pengguna terhadap logo Halal Malaysia, terutamanya dalam lanskap global yang lebih kompleks dan semakin mencabar.

Usaha JAKIM ini juga menjadi pemangkin kepada negara-negara lain untuk mengikut jejak langkah Malaysia yang merupakan perintis industri halal dunia.

Sinergi kerjasama antara kerajaan Malaysia dengan badan-badan persijilan antarabangsa serta pemain industri halal mampu menangani cabaran ekonomi dunia semasa dan mendorong kita untuk memperkasakan lagi industri halal global.

Atas sebab itulah, seruan Perdana Menteri agar pemain industri halal negara memanfaatkan sepenuhnya eko-sistem Halal Malaysia yang kukuh ini untuk meneroka dan mencipta peluang yang lebih besar dalam pasaran Halal global perlu diberi perhatian secukupnya oleh semua pemain.

Sebagai hab halal global yang utama, ini secara tidak langsung akan membolehkan Malaysia menyumbang kepada syer pasaran halal dunia yang dijangka berkembang 3.5 peratus setiap tahun untuk mencapai jumlah AS\$2.4 trilion pada tahun 2024.

GHaS merupakan satu platform utama pertemuan Badan Persijilan Halal seluruh dunia untuk bertukar pandangan dalam meneroka amalan terbaik, mencetuskan percambahan idea dan berkongsi perkembangan terkini industri halal dalam memastabatkan persijilan halal sedunia.

## Potensi negeri jadi hab global

**SHAH ALAM** - Pembangunan Taman Aero Selangor (SAP) bakal melonjakkan potensi negeri sebagai hab aeroangkasa global khususnya di rantau Asia Tenggara, kata Dato' Menteri Besar.

Dato' Seri Amirudin Shari berkata pembangunan taman seluas 2,000 ekar di Seputeh dilengkapi pelbagai kemudahan industri kejuruteraan aeroangkasa.

"Ia termasuk pusat penyenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) pesawat, pengubahsuaian pesawat, pusat inovasi selain hangar pintar dan canggih."

"Dengan adanya taman perindustrian dan hab aeroangkasa nanti kita yakin dapat menyokong industri ini seperti yang dirangka dalam Rancangan Selangor Pertama (RS-1)," katanya pada 7 September.

Amirudin berkata pelaksanaan pelbagai inisiatif diambil memandangkan 67 peratus industri aeroangkasa di Malaysia berpangkalan di Selangor.

## Program lahir tenaga kerja mahir

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri yakin program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Iktisias Smart Selangor (IKTISASS) mampu menyediakan tenaga kerja berkemahiran dalam sektor penerbangan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata Selangor sedia menjadi pelopor penyedia tenaga kerja sektor berkenaan termasuk dalam bidang pengendalian pesawat dan kejuruteraan.

"Sebagai contoh syarikat Boeing menganggarkan susulan peningkatan trafik udara, industri akan memerlukan 790,000 lagi juruterbang dan 754,000 lagi juruteknik dalam tempoh 20 tahun akan datang iaitu lebih daripada 1.5 juta pekerja mahir dalam dua subsektor penerbangan."

"Kita ada IKTISASS yang mungkin boleh membantu kepada industri penerbangan yang saya tengok kosnya agak tinggi (bagi sekolah penerbangan) contohnya perlukan kira-kira RM300,000 beberapa tahun untuk dapatkan sijil (layak memandu kapal terbang).

"Setiap tahun menerusi IKTISASS kita peruntukan kira-kira RM15 juta dan sudah fokus kepada beberapa syarikat tetapi jika ada keperluan saya rasa boleh bantu industri ini bagi kurangkan kos dan mengisi kekosongan yang diperlukan," katanya pada 7 September.

## Industri galak pertumbuhan ekonomi

**SHAH ALAM** - Kerajaan persekutuan akan bekerjasama dengan pentadbiran negeri bagi menjayakan Pelan Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030 dan Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri (Miti) Liew Chin Tong berkata Selangor menjadi pemain penting sektor aeroangkasa di rantau ini selain pemacu pertumbuhan ekonomi negara.

"Kerajaan mengiktiraf industri aeroangkasa yang menjadi salah satu pemacu pertumbuhan ekonomi negara ini."

selain mencipta peluang kerja.

"Saya memberi jaminan bahawa kerajaan persekutuan akan bekerjasama dengan Kerajaan Selangor untuk menjadikan (Malaysia) sebuah negara (hab) aeroangkasa," katanya sempena pembukaan Pameran Udara Selangor (SAS) 2023 pada 7 September.

Beliau berkata aeroangkasa juga dikenal pasti sebagai sektor keutamaan dalam Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP2030) yang dilancar baru-baru ini.

"NIMP yang dilancar itu bertujuan

menggiatkan semula sektor pembuatan negara dan memberi nilai tambah kepada RM587.5 bilion menjelang 2030 selain penciptaan 32,000 pekerjaan berpendapatan tinggi," katanya.

Pembangunan hab aeroangkasa sebahagian daripada intipati teras satu RS-1 yang dibentang Kerajaan Negeri tahun lalu.

Ia meliputi lima subsektor iaitu penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO), pembuatan aero, penyeludupan sistem, reka bentuk dan kejuruteraan, serta pendidikan dan latihan.

### Promosi ke peringkat antarabangsa

## Pacu masa depan sektor aeroangkasa

Oleh ZAREEF MUZAMMIL

**SHAH ALAM** - Pameran Udara Selangor (SAS) yang memasuki edisi ketiga membuktikan kesungguhan Kerajaan Negeri memacu masa depan sektor penerbangan dan aeroangkasa.

EXCO pelaburan dan perdagangan berkata penganjuran SAS menggalakkan inovasi dan kerjasama dengan penggiat industri bagi membentuk hala tuju sektor itu baik pada peringkat tempatan maupun global.

Memberi contoh Pameran Ker-

jaya yang menjadi antara pengisian SAS, Ng Sze Han menjelaskan ia memadankan 25 pempamer dengan anak muda yang berminat mencebur industri terbabit.

"Kerajaan Selangor sentiasa sedia bekerjasama dengan agensi seperti Perbadanan Industri Aeroangkasa Negara Malaysia (Naico), Persatuan Industri Aeroangkasa Malaysia (MAIA) dan persatuan lain berkaitan (untuk memacu masa depan sektor ini)," kata Sze Han pada



7 September.

Tambahnya, Invest Selangor Berhad (Invest Selangor) dan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI menjalankan beberapa misi perdagangan bagi mempromosi sektor aeroangkasa negeri ini ke peringkat global.

Menurut beliau, misi dijalankan ke Singapura, Kanada, United Kingdom dan Perancis tahun ini menarik minat bakal pelabur selain berharap kerjasama dimeterai tidak lama lagi.

## Institusi latihan untuk pelajar

**SHAH ALAM** - RISE Aero Sdn Bhd menjalin kerjasama dengan AEROSIM (HK) Ltd bagi membangunkan institusi latihan teknikal aeroangkasa kepada pelajar dan graduan.

Penasihat korporat kumpulan RISE Aero berkata, AEROSIM akan menyediakan makmal bagi memberi peluang kepada pelajar menjalani program simulasi dan penyelidikan berkaitan penerbangan.

"Penubuhan institusi ini selaras cinta-cita menarik minat lebih ramai pelajar terhadap program sains, teknologi,

kejuruteraan dan matematik (STEM).

"Pelajar yang tamat latihan di institusi ini akan memperoleh sijil Boeing ForeFlight selain berpeluang menjalani latihan praktikal sambil bekerja sama ada di RISE atau AEROSIM," kata Aminuddin Zakaria.

Memorandum persefahaman (MoU) antara kedua-dua pihak dimeterai sempena Pameran Udara Selangor (SAS) 2023 di Pusat Penerbangan Wilayah Skypark, Bukit Jelutong di sini pada 8 September.

Pemeteraian itu turut disaksikan

EXCO Pelaburan Ng Sze Han dan Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor Berhad Dato' Hasan Azhari Idris.

Dalam pada itu, Aminuddin berkata pihaknya juga bekerjasama dengan Subang MRO Sdn Bhd bagi menawarkan perkhidmatan penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih pesawat perniagaan di Malaysia serta Asia Tenggara.

"Perkhidmatan lain ditawarkan termasuk penyelenggaraan kabin, pemeriksaan enjin, penyimpanan pesawat serta pengubahsuaian pesawat," katanya.

Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
14 Khamis	5:47	5:57	7:04	1:12	4:12	7:15	8:24
15 Jumaat	5:47	5:57	7:03	1:11	4:12	7:14	8:23
16 Sabtu	5:47	5:57	7:03	1:11	4:12	7:14	8:23
17 Ahad	5:47	5:57	7:03	1:11	4:13	7:14	8:22
18 Isnin	5:47	5:57	7:02	1:10	4:13	7:13	8:22
19 Selasa	5:46	5:56	7:02	1:10	4:13	7:13	8:22
20 Rabu	5:46	5:56	7:02	1:10	4:14	7:12	8:21

Klang dan Kuala Langat

Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
5:48	5:58	7:05	1:12	4:13	7:15	8:24
5:48	5:58	7:04	1:12	4:12	7:15	8:24
5:48	5:58	7:04	1:12	4:12	7:14	8:23
5:48	5:58	7:04	1:11	4:13	7:14	8:23
5:47	5:57	7:03	1:11	4:13	7:14	8:22
5:47	5:57	7:03	1:11	4:13	7:13	8:22
5:47	5:57	7:03	1:10	4:14	7:13	8:22

Sabak Bernam dan Kuala Selangor

Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
5:50	6:00	7:05	1:14	4:14	7:17	8:26
5:49	5:59	7:05	1:14	4:14	7:17	8:26
5:49	5:59	7:05	1:13	4:15	7:16	8:25
5:49	5:59	7:04	1:13	4:15	7:16	8:25
5:49	5:59	7:04	1:13	4:15	7:15	8:24
5:49	5:59	7:04	1:12	4:16	7:15	8:24
5:48	5:58	7:04	1:12	4:16	7:15	8:23

SELAMAT  
**HARI MALAYSIA**  
16 SEPTEMBER 2023



## Bantu promosi sektor pertanian

**SHAH ALAM** - Pesta Buah-Buahan Tempatan Selangor pada 9 dan 10 September di pusat beli-belah SACC menjadi platform untuk menambah ilmu berkaitan bidang pertanian.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata program anjuran Jabatan Pertanian Negeri Selangor juga mendedahkan pengunjung dengan fungsi jabatan berkaitan.

"Secara tidak langsung ia menarik minat terutama golongan muda untuk menyertai sektor pertanian moden selain kita memperkenalkan industri kepada penduduk bandar.

"Pelbagai maklumat berkaitan pertanian disediakan. Orang awam mudah mengetahui bidang ini lebih dekat," katanya.

## LTSaaS medan tarik pelaburan

**SHAH ALAM** - Pembangunan semula Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSaaS), Subang penting untuk menarik pelaburan di Selangor khususnya bagi sektor aeroangkasa dan penerbangan berkembang selaras Pelan Tindakan Aeroangkasa Selangor 2020-2030 dan Pelan Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030.

EXCO Pelaburan Ng Sze Han berkata projek pembangunan semula LTSaaS yang dibentang Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-12 di Dewan Rakyat pada 11 September disokong Kerajaan Negeri.

"Invest Selangor Bhd selaku agensi pelaburan Kerajaan Negeri akan turut memberikan khidmat kemudahan kepada para pelabur yang berminat untuk melabur di sini dan akan membantu MAHB mempromosikan projek itu kepada pelabur-pelabur yang berpotensi," katanya seperti dilapor Bernama.

## Gagasan Rumpun kukuh perpaduan

**SHAH ALAM** - Gagasan Rumpun Selangor bakal menjadi agenda memperkuuh semangat perpaduan nasional di negeri ini, kata EXCO perpaduan.

Datuk Rizam Ismail berkata beliau juga melihat perpaduan nasional sebagai keutamaan baginya mengemudi portfolio berkenaan.

"Ia bukan semata-mata soal perpaduan tetapi juga aspek hubungan harmoni dan kesatupaduan antara pemimpin dan penduduk setempat dengan semangat kekitaan yang tinggi antara masyarakat berbilang kaum."

"Saya meletakkan Gagasan Rumpun Selangor sebagai antara perkara keutamaan yang akan diterjemahkan di bawah portfolio saya," katanya dalam temu bual di Selangorfm pada 11 September.

## 5,000 pengunjung sertai pesta buah

**SHAH ALAM** - Pesta Buah-Buahan Tempatan Selangor yang berlangsung dua hari di pusat beli-belah SACC di sini meriah dengan kehadiran lebih 5,000 pengunjung.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata bekalan buah-buahan yang dibawa peniaga juga habis awal berikut permintaan tinggi orang ramai.

"Ini pengajuran pertama yang dibuat di pusat beli-belah. Inisiatif ini

dapat menarik lebih ramai pengunjung. Selalunya program dianjur di kebun seperti Selangor Fruit Valley," katanya.

Beliau ketika melawat ke situ pada 10 September meluang masa melawat reruai dan tapak pameran selain menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan mengupas dan makan nanas.

Bersama isteri Datin Seri Masdiana Muhamad, Amirudin turut mengahwinkan pokok durian menerusi kaedah

cantuman baji.

Sepanjang dua hari, pesta sejak 9 September antara 10 pagi hingga 10 malam itu menyediakan pelbagai program menarik antaranya kenal dan makan buah, kupas nangka dan teka berat buah.

Dianjurkan bersama Unit Perancang Ekonomi Selangor sempena Jelajah Agro Selangor, program itu turut menawarkan 3,000 kupon percuma bernilai RM20 untuk pengunjung terawal.

### Tarik minat pelajar, kanak-kanak

## Teruja kendali dron, naik pesawat

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

**SHAH ALAM** - Pelajar dan kanak-kanak antara kelompok yang tertarik menyaksikan aneka pesawat dalam Pameran Udara Selangor (SAS) 2023 di Pusat Penerbangan Wilayah Skypark, Bukit Jelutong di sini.

Suri rumah Umiyatul Syahiroh Mat Shariff, 35, dan suaminya bertolak daripada Seremban jam 7.30 pagi ke situ bagi memberi pengalaman baharu kepada dua anak mereka pada 9 September.

"Saya daftar bulan lalu tetapi tidak beritahu anak kerana mahu beri ke-

jutan. Mereka teruja melihat sendiri secara dekat pelbagai jenis pesawat selain berpeluang menaikinya," katanya.

Pekerja syarikat kimia Vincent Kor, 40, pula pertama kali mengunjungi pameran berkenaan bagi memberi pendedahan kepada anaknya yang bercita-cita menjadi juruterbang.

"Anak saya tunjukkan minat mahu menjadi juruterbang. Menerusi pameran seperti ini, mereka dapat didedah dengan pelbagai aspek dalam industri penerbangan.

"Paling menarik, anak saya berpelu-



ang untuk merasai pengalaman mengendalikan dron menggunakan simulator yang dibawa syarikat terlibat," katanya.

Pelajar G Krishnalini, 20, pula menyifatkan banyak perkara baharu diperoleh sepanjang beliau dan adik-beradiknya menyaksikan pelbagai jenis pesawat secara dekat dalam pameran itu.

"Saya tidak minat sangat dengan penerbangan tetapi mahu ambil pengalaman. Apabila sampai di sini, saya dapat pelajari benda baharu iaitu maklumat tentang pesawat yang dipamer," katanya.

## Rangka dasar maju pesisir pantai

**SHAH ALAM** - Dasar baharu berkaitan rancangan pembangunan pesisir pantai di Selangor dirangka dengan mengambil kira kenaikan paras air laut, kata EXCO infrastruktur.

Ir Izham Hashim menjelaskan rangka berkenaan dijayakan Institut Penyelidikan Air Kebangsaan (NAHRIM) dengan kerjasama EXCO Alam Sekitar Jamaliah Jamaluddin, lapor Bernama.

Katanya, perkara itu turut diselaras bersama pihak berkuasa tempatan dan Jabatan Pengairan dan Saliran dengan mengambil kira kesan kenaikan paras air laut yang memberi kesan besar.

"Saya bermesyuarat menerusi inisiatif Skim Jaminan Air Mentah (SJAM) untuk melihat kesan jangka panjang kenaikan paras air laut yang dijangka beri kesan besar kepada kawasan pesisir pantai kita termasuk di Klang,"

katanya pada 9 September.

Beliau mengulas persediaan negeri bagi menghadapi fenomena air pasang besar pada hujung tahun.

Ir Izham berkata pihaknya mengenal pasti kawasan yang kerap berlaku ban pecah seperti di Sepang dan Hulu Langat, serta telah menggantikan batu granit rock armor dan geobag bagi mengukuhkan struktur ban di situ.

## Kejayaan RMS inspirasi kepada belia

**SHAH ALAM** - Kejayaan Duli Yang Teraamat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah menawan puncak Gunung Kilimanjaro di Tanzania pencapaian membanggakan rakyat negeri ini.

EXCO Sukan Najwan Halimi percaya keupayaan berkenaan harus memberi inspirasi kepada golongan belia.

"Sembah tahniah ke bawah DYTM Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah yang telah berjaya menamatkan misi pendakian menakluk puncak Gunung

Kilimanjaro di Tanzania.

"Kejayaan ini merupakan pencapaian yang amat membanggakan rakyat Selangor dan wajar menjadi inspirasi kepada para belia. Didoakan DYT Tuanku berada dalam kesihatan yang baik dan selamat kembali ke tanah air," katanya pada 9 September.

Terdahulu, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menyifatkan usaha Raja Muda mengumpul dana pembinaan pusat penjagaan kanak-kanak dengan

menakluk puncak gunung di Tanzania memberi inspirasi dan pedoman buat rakyat untuk membantu golongan memerlukan.

Pendakian Tengku Amir ke puncak Gunung Kilimanjaro setinggi 5,895 meter bermula 31 Ogos hingga 8 September.

Pada 2012, Raja Muda menyertai ekspedisi hampir serupa ke Gunung Kinabalu bersama 23 kanak-kanak orang kelainan upaya (OKU) dari Cheshire Home.

Karnival kerjaya gamit gadis Jakarta

# Intai peluang jadi juruterbang

Oleh ZAREEF MUZAMMIL

**SHAH ALAM** - Karnival Kerjaya yang jumlah kali diadakan dalam Pameran Uda-ra Selangor (SAS) menggamit minat gadis dari Jakarta, Indonesia untuk mengintai peluang kerja sebagai juruterbang.

Eli Nur Aisah, 21, teruja dengan pembabitan banyak syarikat pener-bangan dan aeroangkasa ketika melawat pameran itu di Pusat Penerangan Wilayah Skypark, Bukit Jelutong di sini.

Baru memperoleh lesen Airbus 320 daripada Akademi Penerbangan Bali selepas dua tahun mengikuti latihan, beliau berpeluang memohon kerja di syarikat AirAsia di pameran tersebut.



"Selepas tahu mengenai pameran ini melalui Instagram saya memutuskan datang ke Malaysia. Kebetulan saya belum dapat kerja selepas lulus sekolah penerbangan itu."

"Sejak kecil, saya bercita-cita jadi ju-ruterbang. Saya berharap diambil sebagai pembantu juruterbang untuk cari pengalaman dan menambah jam penerba-ning," katanya pada 8 Sep-tember.

Rakannya, Mu-hammad Al Zick-rullah, 23, dari Aceh, Indonesia pula memanfaat pameran udara kali ini untuk bertemu kenalan yang terlibat dalam industri kejuruteraan pesawat.

Beliau yang berkhidmat sebagai ju-rutera sebuah syarikat penerbangan

di Senai, Johor sejak dua tahun lalu berkesempatan melawat ruang pa-meran yang menghimpunkan ratusan pem-pamer.

"Pertama kali ke SAS, saya terpe-gun tengok banyak pem-pamer di sini. Ini peluang saya bertemu rakan-rakan baharu dan membina jaringan demi kemajuan sektor penerbangan."

"Pada masa sama, ia mampu mena-rik minat pelawat tempatan dan antarabangsa terutama yang bekerja dalam industri pe-nerbangan," katanya.

Bertemakan 'Satu-sa-tunya Pertunjukan dan Perniagaan Penerbangan di Rantau ini', SAS mem-pamerkan 40 pesawat statik pelbagai jenis antaranya pesawat peribadi dan sukan selain mem-perkenal aktiviti baru.



## Saringan percuma diteruskan

**SHAH ALAM** - Program saringan kesihatan percuma anjuran Kerajaan Selangor yang dilaksanakan mulai tahun lalu akan diteruskan di tiga lokasi minggu ini, mak-lum EXCO kesihatan awam.

Jamaliah Jamaluddin berkata lokasi pertama Selangor Saring dijadual berlangsung di Dewan Jubli Perak, bangunan pentadbiran negeri, di sini pada 15 September.

Beliau memaklumkan program sama turut diadakan di perkarangan Madrasah Al-Ikhlas SS3/47, Petaling Jaya pada 16 September dan di Dewan MPKK Kampung Kuala Ampang, Ampang (17 September).

"Program hanya libatkan pemeriksaan fizikal, darah dan air kencing. Pada Jumaat, program bermula 8 pagi hingga 4 petang dan esoknya 8.30 pagi hingga 12.30 tengah hari.

"Hari Ahad pula dari 8 pagi hingga 2 petang," katanya memaklumkan beberapa penambahbaikan bakal dibuat dalam pen-ganjuran tahun depan bagi memastikan lebih banyak manfaat diterima peserta.

Selangor Saring membabitkan kos RM3.4 juta diperkenal bagi membantu penduduk mengesan penyakit lebih awal, terutama yang mempunyai sejarah perubatan keluarga, obesiti dan mengamalkan gaya hidup tidak sihat.

## 1st ASIA PACIFIC YOUTH FOLKLORE FESTIVAL

21 - 26 September 2023

LAMAN MBPJ • JALAN YONG SHOOK LIN • PETALING JAYA



### PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN ANTARABANGSA

23 Sept. 2023 • 11.00 pg - 11.00 mlm  
24 Sept. 2023 • 10.00 pg - 5.00 ptg  
Laman MBPJ • Jln. Yong Shook Lin • Petaling Jaya

### SENI & KRAFTANGAN

23 & 24 Sept. 2023 • 11.00 pg - 11.00 mlm  
Tempat Letak Kereta Dewan Sivik MBPJ • Jln. Yong Shook Lin • Petaling Jaya

### MAKANAN TRADISIONAL

23 & 24 Sept. 2023 • 11.00 pg - 11.00 mlm  
Tempat Letak Kereta Dewan Sivik MBPJ • Jln. Yong Shook Lin • Petaling Jaya

### SEMINAR KERJAYA SENI

23 Sept. 2023 • 11.00 pg - 5.00 ptg  
Dewan Banquet, Dewan Sivik MBPJ • Jln. Yong Shook Lin • Petaling Jaya



**KONSERT**  
24 Sept. 2023 | 8.30 mlm



## Warta dua makanan warisan negeri

**SHAH ALAM** - Selain nasi ambeng, satu lagi menu popular iaitu sate Kajang akan diwartakan sebagai makanan tradisi dan warisan Selangor, kata EXCO kemajuan desa.

Datuk Rizam Ismail menjelaskan perwartaan tersebut akan dilaksanakan dalam masa terdekat melalui Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (Padat).

Dalam temu bual bersama SelangorM berkenaan Fiesta Sate Selangor, beliau menjelaskan usaha itu dapat memastikan makanan berkenaan tanpa mengecipikan juadah lain.

"Kerajaan Negeri mengiktiraf sate Kajang sebagai salah satu makanan identiti. Ia akan diwartakan sebagai makanan warisan dalam masa terdekat," katanya pada 11 September.

## Mohon negeri tambah subsidi

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri disaran menambah subsidi bagi barang di Jualan Ehsan Rahmah (JER) pada masa akan datang.

Ahli Majlis Bandaraya Shah Alam Mohd Firdaus Mokhtar berkata rakyat sentiasa menanti program berkenaan yang tidak boleh didapati di negeri lain.

"Kerajaan Selangor ada 46 inisiatif tetapi JER antara yang paling dekat di hati rakyat kerana barang yang ditawarkan amat berpatutan."

"Saya mohon Kerajaan Negeri pertimbang tambah subsidi dan pelbagaikan lagi barang supaya lebih ramai rakyat dapat manfaat ini," katanya pada 12 September.

## Barangan asas jadi rebutan pengunjung

**SUBANG JAYA** - Hampir semua barang Jualan Ehsan Rahmah (JER) Dewan Undangan Negeri Kinrara di perkarangan Masjid Baitulamin di sini habis dalam tempoh kurang dua jam.

Pegawai Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) Muhammad Farid Mustafa berkata telur, beras dan ikan antara barang tumpuan lebih 400 pengunjung pada 11 September.

"Bekalan yang dibawa seperti biasa iaitu 500 ayam, 200 papan telur, 72 botol minyak masak, 200 pek beras, 200 pek daging potong, 200 pek ikan jenis kembung, sardin, cencaru dan kerupu," katanya.

Sementara itu, suri rumah Wan Wu Fong, 42, mengakui sering menanti pengajuran jualan berkenaan bagi mendapatkan harga barang asas berkualiti pada harga murah.

"Saya seronok dapat datang beli barang keperluan telur, ikan dan ayam. Jualan ini membantu sebab harga murah tetapi tidak boleh beli banyak sebab orang lain pun mahu beli," katanya.

## Peluang usahawan promosi produk

**KUALA LUMPUR** - BS Fitness Nutrition (M) Sdn Bhd memanfaatkan penyertaan dalam Pavilion Selangor sempena Pameran Halal Antarabangsa Malaysia (Mihas) untuk mempromosi makanan tambahan yang dihasilkan syarikat itu.



"Kami bagi 'tester' (pengunjung) minuman 'Hydro Whey' coklat dan strawberry kepada pengunjung selain promosi RM90 sekilogram berbanding harga biasa RM130 untuk produk ini," katanya pada 12 September.

Ditemui di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (Mitec) di sini, beliau juga meminta orang ramai mengubah tanggapan pengambilan protein untuk atlet sukan atau mendapatkan susuk 'sado' semata-mata.

"Sebenarnya sesiapa sahaja boleh amalkan pengambilan protein, tidak kira atlet sukan atau bukan kerana ia adalah suatu keperluan harian.

"Sebab itu kami ambil bahagian

dalam Mihas kali ini. Hasrat kami adalah untuk memperbetulkan persepsi ramai bahawa orang biasa juga perlu amalkan protein," katanya.

BS Fitness Nutrition yang beroperasi di Bandar Rinching, Semenyih antara 23 pempamer yang menyertai Pavilion Selangor sempena Mihas edisi ke-19 bermula hari ini hingga 15 September.

Dihoskan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) dan dianjurkan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade), Mihas menampilkan trend, teknologi dan inovasi terkini meliputi 13 kluster industri halal.

Pameran diadakan secara fizikal dan platform dalam talian yang boleh diakses 24 jam sehari.

## Sambutan menggalakkan di DUN Sementa

# RM50 dapat beras, ayam dan telur

Oleh SHEEDA FATHIL

**KLANG** - Program Jualan Ehsan Rahmah (JER) peringkat Dewan Undangan Negeri Sementa mendapat sambutan luar biasa berikut hampir semua barang habis terjual dalam tempoh kurang sejam.



lalu ramai orang. Dalam masa kurang sejam beras dan telur habis," katanya di Arena Square Bukit Kapar di sini.

Sementara itu, Siti Zubaida Rahman, 25, mengakui sering menanti pengajuran jualan murah bagi mendapatkan harga barang asas berkualiti pada harga murah.

"Memang selalu tengok Facebook Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) sebab hendak tahu lokasinya. Hari ini saya belanja tidak sampai RM50 dapat beras, ayam, telur," katanya.

Warga emas Sarojah Yunus, 72, yang hadir bersama adiknya juga tidak melepaskan peluang mendapatkan bekalan barang dapur.

"Harga barang murah, PKPS juga mengutamakan war-

ga emas termasuk menyediakan kerusi buat kami sementara giliran tiba," katanya.

Alrizal Masdar, 61, pula mencadangkan supaya barang ditambah lebih banyak untuk memastikan lebih ramai dapat membentinya.

"Lebih 10 kali pergi JER tetapi kali ini agak kecewa dah datang awal 9.30 pagi, barang banyak habis cuma dapat beli ayam dan tepung sahaja," katanya.



JER menawarkan ayam RM10 seekor, daging pejal segar (RM10 per pek) dan telur gred B (RM10 sepan), ikan kembung (RM6 setiap pek), minyak masak lima kg (RM25) dan beras lima kg (RM10).

## Bekalan beras di lokasi JER cukup

**SHAH ALAM** - Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) tidak berhadapan masalah untuk menyediakan bekalan beras kepada pengunjung Jualan Ehsan Rahmah (JER).

Penyelia Unit Jualan Muhammad Farid Mustafa berkata PKPS masih membawa kuantiti sama iaitu sekurang-kurangnya 200 paket beras lima

kilogram jenama Ehsan di setiap program itu.

"Kita tidak menghadapi isu kekurangan beras setakat ini dan kita masih bawa jumlah sama setiap program JER.

"Memang diakui ada masalah kekurangan tetapi apabila program jualan dikurangkan (kerana isu pengangkutan) ia menampung keperluan," kata-

nya dalam program peringkat Dewan Undangan Negeri Kota Kemuning pada 10 September.

Pada 9 September, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan bekalan beras di negeri ini mencukupi dan usaha giat dijalankan bagi memastikan keperluannya sentiasa ada.

# pancawarna

## Tiang utama Malaysia

Perjanjian Malaysia ditandatangani pada 9 Julai 1963. Menerusnya, Sarawak, Sabah dan Singapura membentuk negara baharu dengan Tanah Melayu berkuatkuasa 16 September 1963.

Namun, Singapura dikeluarkan daripada persekutuan pada 1965. Perjanjian Malaysia didaftar di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 21 September 1970.

Sempena Hari Malaysia, wartawan **NADIAH ZAMLUIS** berkongsi teks Perjanjian Malaysia yang dimeterai di London, 60 tahun lalu.

Persekutuan Tanah Melayu, United Kingdom Great Britain dan Ireland Utara, Borneo Utara, Sarawak dan Singapura; Dengan hasrat mengikat suatu perjanjian berhubung dengan Malaysia;

Bersetuju seperti berikut:-

### Perkara I

Tanah Jajahan Borneo Utara dan Sarawak dan Negeri Singapura akan disekutukan dengan Negeri-negeri Persekutuan Tanah Melayu sedia ada sebagai Negeri Sabah, Sarawak dan Singapura mengikut surat cara Perlembagaan yang dilampirkan kepada Perjanjian ini dan Persekutuan ini hendaklah selepas itu dinamakan "Malaysia".

### Perkara II

Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu akan mengambil apa-apa langkah sesuai dan yang boleh diambilnya bagi mendapatkan penggubalan oleh Parlimen Persekutuan Tanah Melayu suatu Akta dalam bentuk yang dinyatakan dalam Lampiran A Perjanjian ini dan ia akan mula berkuat kuasa pada 31 hari bulan Ogos 1963 (dan tarikh Akta itu mula berkuat kuasa dirujuk selepas ini sebagai "Hari Malaysia").

### Perkara III

Kerajaan United Kingdom akan menyerahkan Perintah dalam Majlis Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Great Britain sebelum Hari Malaysia bagi maksud memberi kuat kuasa undang-undang kepada Perlembagaan Sabah, Sarawak dan Singapura sebagai Negeri-negeri Malaysia yang dinyatakan dalam Lampiran B, C dan D Perjanjian ini.

### Perkara IV

Kerajaan United Kingdom akan mengambil apa-apa langkah sesuai dan yang boleh diambilnya bagi mendapatkan penggubalan oleh Parlimen United Kingdom suatu Akta yang memperuntukkan, dari Hari Malaysia, pelepasan kedaulatan dan bidang kuasa Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Great Britain berkaitan dengan Borneo Utara, Sarawak dan Singapura supaya kedaulatan dan bidang kuasa tersebut apabila dilepaskan sedemikian akan terletak hak menurut Perjanjian ini dan surat cara Perlembagaan yang dilampirkan kepada Perjanjian ini.

### Perkara V

Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu akan mengambil apa-apa langkah sesuai dan yang boleh diambilnya sebelum Hari Malaysia bagi mendapatkan penggubalan oleh Parlimen Persekutuan Tanah Melayu suatu Akta dalam bentuk yang dinyatakan dalam Lampiran E Perjanjian ini bagi maksud memperluas dan menyesuaikan Ordinan Imigresen 1959, Persekutuan Tanah Melayu untuk Malaysia dan bagi membuat peruntukan tambahan berkaitan dengan kemasukan ke dalam Negeri Sabah dan Negeri Sarawak; dan peruntukan lain Perjanjian ini



hendaklah menjadi syarat dalam penggubalan Akta tersebut.

### Perkara VI

Perjanjian Pertahanan Luar dan Bantuan Bersama antara Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan Kerajaan United Kingdom pada 12 hari bulan Oktober 1957, dan lampirannya hendaklah terpakai kepada semua wilayah Malaysia, dan dalam Perjanjian itu apa-apa rujukan tentang Persekutuan Tanah Melayu hendaklah disifatkan sebagai terpakai kepada Malaysia, tertakluk kepada proviso bahawa Kerajaan Malaysia akan memberi Kerajaan United Kingdom hak bagi terus mengelakkan pangkalan dan kemudahan lain yang pada masa ini diduduki oleh pihak berkuasa Perkhidmatan (tentera) mereka di Negeri Singapura dan akan membenarkan Kerajaan United Kingdom menggunakan pangkalan dan kemudahan itu sebagaimana yang difikirkan oleh Kerajaan itu perlu bagi maksud membantu dalam pertahanan Malaysia, dan bagi pertahanan Komanwel dan bagi memelihara keamanan di Asia Tenggara. Pemakaian Perjanjian tersebut hendaklah tertakluk kepada peruntukan Lampiran F Perjanjian ini (terutamanya yang berhubung dengan tanah Perkhidmatan (tentera) di Singapura).

### Perkara VII

(1) Persekutuan Tanah Melayu bersetuju bahawa Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen Great Britain boleh membuat, sebelum Hari Malaysia, Perintah dalam Majlis dalam bentuk yang dinyatakan dalam Lampiran G Perjanjian ini bagi maksud membuat peruntukan pembayaran pampasan dan faedah persaraan kepada sesetengah pegawai seberang laut yang berkhidmat, sebaik-baik sahaja sebelum Hari Malaysia, dalam perkhidmatan awam Tanah Jajahan Borneo Utara atau Tanah Jajahan Sarawak.

(2) Pada, atau secepat yang boleh dilakukan selepas Hari Malaysia, Perjanjian Pegawai Awam dalam bentuk yang dinyatakan dalam Lampiran H dan I Perjanjian ini hendaklah ditandatangani bagi pihak Kerajaan United Kingdom dan Kerajaan Malaysia; dan Kerajaan Malaysia hendaklah memperoleh persetujuan Kerajaan Negeri Sabah, Sarawak atau Singapura, mengikut mana-mana yang perlu, setakat mana yang termanya mungkin menjelaskan tanggungjawab atau kepentingan Kerajaan Negeri itu, dalam penandatanganan Perjanjian itu oleh Kerajaan Malaysia.

### Perkara VIII

Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara dan Sarawak akan mengambil apa-apa tindakan perundangan, eksekutif atau tindakan lain sebagaimana yang diperlukan bagi melaksanakan jaminan, aku janji dan syor yang terkandung dalam Bab 3, dan Lampiran A dan B Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan yang ditandatangani pada 27 hari bulan Februari 1963, selagi ia tidak dilaksanakan melalui peruntukan nyata Perlembagaan Malaysia.



Perjuangan menuju negara bangsa  
II

### Perkara IX

Peruntukan Lampiran J Perjanjian ini berhubung Pasaran Bersama dan perkiraan kewangan hendaklah membentuk Perjanjian antara Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan Kerajaan Singapura.

### Perkara X

Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dan Kerajaan Singapura akan mengambil apa-apa tindakan perundangan, eksekutif atau tindakan lain sebagaimana yang diperlukan bagi melaksanakan perkiraan berkaitan dengan penyiaran dan televisyen yang dinyatakan dalam Lampiran K Perjanjian ini selagi ia tidak dilaksanakan melalui peruntukan nyata Perlembagaan Malaysia.

### Perkara XI

Perjanjian ini hendaklah ditandatangani dalam bahasa Inggeris dan Melayu kecuali Lampirannya hendaklah dalam bahasa Inggeris sahaja. Jika timbul apa-apa keraguan teks Inggeris Perjanjian ini hendaklah mengatasi yang lain.

Pada menyaksikannya maka mereka yang bertandatangan di bawah, yang diberi kuasa sewajarnya, telah menandatangani Perjanjian ini.

Itandatangani di London pada 9 hari bulan Julai 1963, dalam lima salinan yang mana satu salinannya hendaklah disimpan oleh setiap Pihak.

#### Bagi pihak United Kingdom:

Harold Macmillan  
Duncan Sandys  
Lansdowne

#### Bagi pihak Persekutuan Tanah Melayu:

T. A. Rahman  
Abdul Razak  
Tan Siew Sin  
V. T. Sambanthan  
Ong Yoke Lin  
S.A. Lim

#### Bagi pihak Borneo Utara:

Datu Mustapha Bin Datu Harun  
D.A. Stephens  
W. K. H. Jones  
Khoo Siak Chiew  
W. S. Holley  
G. S. Sundang

#### Bagi pihak Sarawak:

P. E. H. Pike  
T. Jugah  
Abang Haji Mustapha  
Ling Beng Siew  
Abang Haji Openg

#### Bagi pihak Singapura:

Lee Kuan Yew  
Goh Keng Swee

# Usul cuti 16 September

Oleh FATHI ARIS OMAR

**T**iga belas tahun lalu, masih ada kekeliruan. Cuti umum Hari Malaysia yang disambut pertama kali di seluruh negara pada 16 September 2010 sepatutnya bergaji atau tidak?

Maka Menteri Sumber Manusia Datuk Dr S Subramaniam terpaksa menjelaskan dasar baharu itu susulan pertanyaan syarikat swasta yang masih tidak pasti status "cuti umum" tersebut.

"Perkara ini tertakluk di bawah Seksyen 60D(1)(b) Akta Kerja 1955," katanya. Penjelasan seperti ini terpaksa dibuat kerana cadangan Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 2008 tidak terus diterima kerajaan.

Sejarah pembentukan Malaysia pada 16 September enam puluh tahun lalu tidak dipertikaikan lagi. Walau tarikh asal yang dirancang sepatutnya 31 Ogos 1963.

Namun tanggal 16 September tidak pernah dijadikan hari kelepasan am negara. Ia hanya muncul apabila Anwar mencadangkan kepada kerajaan persekutuan, termasuk menggesa lima negeri Pakatan Rakyat menyambutnya tahun itu.

Semuanya ini bermula selepas kemenangan besar Pakatan Rakyat pada pilihan raya umum 8 Mac 2008, pertama kali menafikan penguasaan majoriti dua pertiga Barisan Nasional. Selain Kelantan, empat lagi negeri termasuk Selangor jatuh ke tangan gabungan pembangkang.

Susulan itu, terdengar desas-desus sejumlah besar ahli parlimen dari Sabah dan Sarawak berminat menyertai Pakatan Rakyat. Permohonan dibuat agar kerajaan yang diketuai Tun Abdullah Ahmad Badawi memanggil sidang khas Parlimen.

Kontroversi meletus, langkah tersebut dikatakan akan berlaku pada beberapa tarikh termasuk 16 September. Sejarah kemudiannya membuktikan ia tidak mungkin berlaku kerana sidang khas Parlimen bagi menguji sokongan terhadap kerajaan tidak pernah diadakan.

Anwar, yang kini perdana menteri, menulis

surat kepada Speaker Dewan Rakyat bagi mendapatkan persetujuan perdana menteri agar diadakan sidang khas dengan notis undi tidak percaya kepada Abdullah sendiri!

"Namun surat itu tidak dijawab dan Abdullah menolak cadangan diadakan sidang khas Parlimen," katanya beberapa tahun kemudian.

Ketika semua bertanya-tanya apa yang bakal terjadi, Anwar mencadangkan Hari Malaysia seharusnya disambut dengan cuti umum pada 16 September. Lima negeri Pakatan Rakyat termasuk Kelantan diseru agar menyambut dan memberi cuti pada hari tersebut.

Cadangan memperingati peristiwa penting sejarah Malaysia itu segera mendapat bantahan kerajaan persekutuan termasuk daripada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

"Sebagai sebuah negara, kita patut ada satu sahaja Hari Kemerdekaan sebab kita sudah pilih itulah hari kemerdekaan negara kita," katanya pada 2 September 2008.

## PAS bantah perjanjian

Sehari selepas itu, Menteri Penerangan Datuk Ahmad Shabery Cheek menempelak PAS, lalu mengungkitkan sejarah parti itu dan Kelantan yang membantah pembentukan Malaysia dengan mengheret kerajaan ke mahkamah pada 10 September 1963.

Dalam bidang perundangan, kes klasik isu federalisme dirujuk sebagai Government of the State of Kelantan v The Government of the Federation of Malaya and Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj [1963].

Kesatuan sekerja dan ahli akademik juga dilaporkan membantah cadangan menyambut Hari Malaysia dengan memberi cuti umum. Namun, pada 26 September 2008, profesor terkenal Khoo Kay Kim bersetuju cuti umum diwartakan.

"Tarikh 16 September adalah ulangan kita untuk mengingati tarikh kemasukan Sabah dan Sarawak

dalam Persekutuan Tanah Melayu pada 1963 yang kemudian ditukar menjadi Persekutuan Malaysia.

"Oleh itu, mengapa kita tidak boleh bertolak-ansur untuk menjadikan tarikh 16 September sebagai sebahagian daripada hari kebesaran negara untuk dijadikan cuti umum," katanya kepada Bernama.

Sejarawan itu mengulas kenyataan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Datuk Seri Mohd Shafie Apdal yang memaklumkan kerajaan bersetuju 16 September disambut sebagai Hari Malaysia di seluruh negara.

Beliau dilaporkan sebagai berkata Hari Malaysia sebelum ini disambut di Sabah dan Sarawak sahaja. Sekarang wajarlah ia disambut di seluruh negara.

Namun, sambutan Hari Malaysia pada 2008 dianjak kepada 18 Oktober kerana 16 September jatuh pada bulan puasa.

Setahun kemudian, masih tiada keputusan tentang cuti umum pada Hari Malaysia. Tanggal 16 September 2009 berlalu. Tiba-tiba sebulan kemudian, 19 Oktober, Najib yang menggantikan Abdullah mengumumkan cuti Hari Malaysia bermula 2010.

Atas semangat hari tersebutlah, Putrajaya berusaha mengembalikan pelaksanaan butiran Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) yang dimeterai pada 9 Julai.

Penjanjian ini (sebelum Singapura dikeluarkan pada 1965) didaftarkan di Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu oleh kerajaan United Kingdom (UK) pada 21 September 1970.

Sempena ulang tahun ke-55 tanggal keramat ini, setelah terbentuk kerajaan Pakatan Harapan mulai Mei 2018, Pejabat Perdana Menteri mengeluarkan dokumen ringkas Kupasan Sejarah Perjanjian Malaysia 1963.

Anwar, meneraju Kerajaan Perpaduan mulai 24 November lalu, terus menegaskan iltizam untuk menyegerakan perjanjian tersebut yang masih tidak tertunai sepenuhnya dalam tempoh enam dasawarsa.

## LIKU PERJALANAN PERJANJIAN MALAYSIA 1963

27 Mei 1961

Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj cadang gabungkan Persekutuan Tanah Melayu dengan Sabah, Sarawak, Brunei dan Singapura

23 Julai 1961

Jawatankuasa Perunding Perpaduan Malaysia, diketuai Donald Stephen, ditubuh bagi jelaskan konsep Malaysia kepada Sabah, Sarawak dan Brunei

17 Januari 1962

Suruhanjaya Cobbold dibentuk bagi mengumpul pandangan penduduk dan kumpulan penting di Sabah dan Sarawak

21 Jun 1962

Laporan Suruhanjaya Cobbold siap dan dikemukakan kepada kerajaan British dan Persekutuan Tanah Melayu

1 Ogos 1962

Jawatankuasa Antara Kerajaan dibentuk bagi merangka perlembagaan Malaysia

20 Januari 1963

Presiden Indonesia Sukarno isytihar konfrontasi, lancar slogan Ganyang Malaysia sebagai bantahan

27 Februari 1963

Syor, jaminan dan aku janji antara Persekutuan Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak ditandatangani

9 Julai 1963

Perjanjian Malaysia ditandatangani antara Persekutuan Tanah Melayu, Sabah, Sarawak dan Singapura dengan UK

31 Ogos 1963

Tarikh asal yang dirancang untuk pembentukan rasmi Malaysia ketika perjanjian dimeterai pada Julai

10 September 1963

PAS melalui kerajaan Kelantan cabar keabsahan perjanjian Malaysia

14 September 1963

Laporan setiausaha agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) siap, terlambat dua minggu daripada tanggal asal 31 Ogos

16 September 1963

Upacara perisytiharan Malaysia di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur. Tunku Abdul Rahman laung "Merdeka" sebanyak tujuh kali

9 Ogos 1965

Singapura dikeluarkan daripada persekutuan Malaysia

3 Jun 1966

Filipina dan Malaysia sambung semula hubungan diplomatik yang terputus akibat bantahan

11 Ogos 1966

Thailand perantara damaikan hubungan Malaysia dan Indonesia

21 September 1970

Perjanjian 11 perkara didaftarkan di Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) oleh kerajaan UK

27 Ogos 1976

Pindaan perlembagaan: Sabah dan Sarawak dianggap dua negeri setaraf 11 lagi negeri Persekutuan Tanah Melayu, bukan rakan sekutu seperti asal 1963

31 Ogos 2008

Anwar cadang 16 September diberikan cuti umum di seluruh negara untuk sambutan Hari Malaysia

16 September 2010

Cuti umum pertama seluruh negara bagi sambutan Hari Malaysia

14 Disember 2021

Pindaan Perkara 1(2) dan 160(2) Perlembagaan Persekutuan, kembalikan hak Sabah dan Sarawak

# Azab perang, darurat

Oleh ABDUL RAHIM SABRI

**S**emua bangsa ingin mengecap kebebasan dan menentukan nasib sendiri walau selama mana harus memperjuangkannya. Begitu juga Malaysia, negara bangsa muda yang terbentuk genap 60 tahun lalu.

Negara ini melalui pelbagai fasa suka duka sebelum Persekutuan Tanah Melayu mengecap nikmat kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Enam tahun kemudian, bangsa merdeka ini mengajak Sabah dan Sarawak sama-sama bebas menentukan masa depan bersama.

Namun, kebebasan tidak datang dengan mudah dan murah. Pendudukan Jepun selama hampir empat tahun mulai hujung 1941 mendatang pelbagai malapetaka dan sengsara. Walau kuasa asing itu pergi pada 1945, penjajah kembali menguasai.

Negara kemudiannya berdepan zaman darurat selama 12 tahun mulai 1948. Perang dengan gerila komunis ini muncul di pentas Perang Dingin, era kuasa Barat bertembung Timur selepas Perang Dunia Kedua.

Untuk mengenang suka-duka zaman awal pembentukan negara, Kerajaan Negeri membiayai projek terjemahan beberapa buku penting zaman tersebut. Projek ini dijayakan melalui Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE), penerbit terkenal yang menterjemah lebih 70 buah buku penting sejak 2016.

Sempena sambutan Hari Malaysia pada 16 September, Selangorkini mengulas ringkas empat karya penting termasuk tiga buku zaman darurat. Dua daripadanya sudah diterbitkan, sementara sebuah lagi akan menemui pembaca tahun depan.

Keempat-empat buku ini pasti membuka mata kita dan memberi makna mendalam apa itu kebebasan dan kemerdekaan. Buku ini juga pasti membuka rahsia atau petunjuk bagaimana boleh tercapainya kemerdekaan 1957.

**Mata-mata Gelap Malaya: Peranan Cawangan Khas pada Zaman Darurat 1945-1960 (terbit 2024)**

Diterjemah oleh Razan Rose dan Omar Husain, buku ini siap pada tahap 70 peratus. Kulit buku belum dimuktamadkan lagi. Naskhah terjemahan dijangka terbit sebelum Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur tahun depan.




Judul asalnya *Malaya's Secret Police, 1945-60: The Role of the Special Branch in the Malayan Emergency*, karangan Leon Comber, menceritakan sejarah pembentukan pasukan Cawangan Khas (SB), taktik dan selok-belok operasi risikan dan pasukan keselamatan berdepan komunis.

Kecekapan tentera British berjaya menurunkan jumlah pertempuran secara mendadak sebanyak enam kali ganda pada 1954

berbanding empat tahun sebelumnya.

Penyusunan 450 perkampungan baharu pula berjaya memutuskan bekalan makanan dan menyukarkan komunikasi tentera Parti Komunis Malaya (PKM), lalu mereka beralih kegiatan dari bandar ke hutan hingga darurat berakhir pada 1960.

“Kita ingin memberitahu sumbangan dan jasa peranan cawangan khas yang mencegah ancaman komunis. Ia bukan satu intipan biasa. Kita juga nak beritahu pentingnya jaringan keselamatan untuk kepentingan negara,” kata



penyelaras projek IBDE Abdullah Hussaini Mohd Ghazali.

Dengan menyemak dokumen sulit termasuk di Britain, Leon melaporkan angka rasmi yang terbunuh, menyerah diri, cedera dan hilang dalam kalangan gerila, polis dan orang awam dalam darurat 12 tahun adalah seramai 19,797 orang.

**Tanpa Ampun: Tiga Tahun Diburu Jepun di Rimba Malaya (2023)**

Komando Inggeris F Spencer Chapman menulis tentang pengalaman dirinya sepanjang pendudukan Jepun, memperinci taktik dan teknik sabotajnya bersama gerila komunis,

dibantu Melayu dan Orang Asli, dalam belantara Tanah Melayu.

Terbit pada 1948, judul asal *The Jungle is Neutral* turut menceritakan banyak babak cemas, mengejutkan dan mendebaran ketika diburu, dikepung dan ditahan askar Jepun di Selangor, Perak, Pahang, Johor dan Negeri Sembilan antara 1941 hingga 1945.

Selain menyiar foto kampung dan peta pergerakan pasukannya, Tanpa Ampun banyak mengajar ikhtiar hidup. Beliau juga merakam flora dan fauna sewaktu bergerak di hutan, termasuk diserang pacat dan nyamuk. Chapman bertarung nyawa dan coretannya hasil pertarungan itu dalam buku memuatkan 20 bab.

**Perang Anjing Suruhan: Darurat dan Kekalahan Komunis di Malaya 1948-60 (2020)**

Karya ini adalah terjemahan *The War of the Running Dogs: How Malaya Defeated the Communist Guerrillas, 1948-60*, yang ditulis oleh wartawan Noel Barber.

Karya ini mempunyai 24 bab daripada tiga fasa: komunis menganas, mematahkan serangan dan jalan kemenangan. Beliau turut menceritakan saat-saat getir sejak awal darurat diumumkan.

Turut dikisahkan penderitaan pekerja ladang, penduduk kampung, tentera dan anggota keselamatan. Ribuan nyawa terkorban. Malah persaudaraan boleh berakhir di hujung senjata.

Contoh, bagaimana tokoh komunis Abdullah CD diserang sepupunya sendiri Yeop Mahidin di Temerloh dan kecintaan Sir Henry Gurney pada isterinya di hujung nyawa saat ditembak di Hulu Selangor sungguh mengugah perasaan.

**Bintang Merah di Langit Malaya (2022)**

Buku ini terjemahan *Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After the Japanese Occupation, 1941-1946*.

Dibahagikan kepada dua jilid, kajian Dr Cheah Boon Kheng itu cukup jelas menunjukkan ancaman komunis yang makin lantang membuat tuntutan apabila mereka dibenar bergerak bebas selepas Jepun menyerah kalah.

Jilid 1 menghuraikan masyarakat pelbagai kaum menjelang penjajahan Jepun, kesan perang tersebut dan peranan PKM serta gerakan anti-Jepun. Ia juga menceritakan kebangkitan semangat merdeka dalam kalangan penduduk Melayu.

Jilid 2 pula menjelaskan suasana kacau selepas Jepun berundur, keganasan akibat kelompongan kuasa, penolakan komunis terhadap pentadbiran Inggeris dan pertikaian Melayu terhadap kuasa Barat itu.



Persembahan pesawat akrobatis juruterbang Akademi Penerbangan Layang-Layang Kapten John Scratchman



Amirudin dan Liew pada sesi MoU antara Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) dengan wakil Pusat Inovasi Aeroangkasa Malaysia



Dato' Menteri Besar merasmikan SAS bersama (dari kiri) Hasan Azhari, Liew dan Ng



Menteri Belia dan Sukan Hannah Yeoh diberi panduan mengendalikan dron ketika melawat kawasan pameran



Pempamer Afiq Azahari menunjukkan cara kawalan dron menggunakan realiti maya kepada pengunjung di reruai Nocturnal



Pengunjung mencuba alat simulasi pesawat Hawk milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Pusat Penerbangan Wilayah Skypark



Pelawat mencuba permainan golf sebagai promosi The Mines Resort & Golf Club di hadapan kapal terbang 737



MAKIN ramai berminat. Lebih 20,000 orang mengunjungi Pameran Udara Selangor (SAS) 2023 selama tiga hari bermula 7 September di Pusat Penerbangan Wilayah Skypark, Shah Alam.

Mulai 2021, selain pertambahan pengunjung, jumlah pempaper turut meningkat hampir sekali ganda kepada 119 syarikat dari dalam dan luar negara.

Dianjur Kerajaan Negeri melalui anak syarikatnya Invest Selangor Berhad (Invest Selangor), SAS berharap menjadi satu-satunya pameran udara perniagaan

di rantau ini.

Sebanyak 27 memorandum persefahaman (MoU), surat niyat dan surat penerimaan dimeterai bersama pemain industri antaranya dari Amerika Syarikat, Perancis, Denmark, Singapura, Australia dan Hong Kong.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari merasmikan pembukaan pameran pada hari pertama. Majlis ini disertai Timbalan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Liew Chin Tong, EXCO Pelaburan Ng Sze Han dan Ketua Pegawai Eksekutif Invest

Selangor Dato' Hasan Azhari Idris.

Sebanyak 40 buah pesawat statik pelbagai jenis dipamerkan. Kali ini, SAS memperkenal aktiviti baharu seperti persembahan pesawat akrobatis dan pameran kerjaya berkaitan industri aeroangkasa.

Jurufoto HAFIZ OTHMAN, FIKRI YUSOF dan NUR ADIBAH AHMAD IZAM merakam sebahagian aktiviti menarik sepanjang program. Keterangan gambar oleh HAFIZAN TAIB.

Foto BERNAMA



Pelbagai replika model kapal terbang awam dipamerkan sepanjang tiga hari program sehingga 9 September



Sukarelawan Malaysia Sport Aviation Federation Mohamad Aiman Azamuddin Zaidi menunjukkan enjin pesawat Pegasus Quantum



Orang ramai tertarik mengenali pesawat pengangkutan Charlie 130 Hercules milik TUDM



Kanak-kanak begitu teruja berada di dalam kokpit helikopter yang dimiliki syarikat pembekal kemahiran teknikal IAP Group Sdn Bhd



Orang ramai beratur bagi merasai pengalaman berada di dalam helikopter milik IAP Group Sdn Bhd

## Jajaran Kereta Api, 1913 - 1931



# Jejak tinggalan rel 110 tahun

**A** Jambatan Besi Pasir Tuntung merentasi Sungai Tuntung berdekatan stesen Assam Jawa, Kuala Selangor

**B** Jambatan George Dearie Russell merentasi Sungai Puloh, Klang berdekatan stesen Vallambrosa


**C** Jambatan Connaught merentasi Sungai Klang berdekatan simpang landasan Klang - Kuala Lumpur

## Sumber

Blog [www.clairegrey.co.uk](http://www.clairegrey.co.uk)

Blog [searail.malayanrailways.com](http://searail.malayanrailways.com)

Peta Selangor 1929 terbitan Negeri-negeri Melayu Bersekutu



Oleh NADIAH ZAMLUS  
Foto MOHD YUSNI ARIFFIN

**D**alam tempoh lima tahun ini, Kerajaan Selangor merancang membina jajaran kereta api dari Klang ke Kuala Selangor kepada kerajaan persekutuan.

Rancangan itu bertujuan memendekkan perjalanan ke bahagian utara negeri berbanding laluan jalan raya ketika ini.

Pada masa sama, ia menggalakkan penggunaan pengangkutan awam. Rencana berkenaan dijangka memberi limpahan ekonomi di sekitar kawasan pantai barat Selangor.

Bagaimanapun, laluan kereta api antara Klang ke Kuala Selangor sebenarnya sudah wujud sejak 110 tahun lalu. (**Lihat muka surat 14**)

Pada Februari 1913, pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu telah membina laluan di kawasan sama bagi mengangkut komoditi kopi dan getah selain penduduk setempat pada waktu itu.

Usaha awal membina rel ke utara Selangor dirintis Gabenor Negeri-negeri Selat Sir Frederick Weld pada 1886. Ketika itu, beliau memperinci pembinaan laluan kereta api dari Klang ke pekan Jeram.

Namun, pembinaan tidak segera dilakukan kerana tiada kepentingan mengangkut bahan komoditi di sepanjang laluan Klang menghalau ke Kuala Selangor.

British lebih berminat membina rel kereta api di kawasan mempunyai pengeluaran bahan komoditi, khususnya Kuala Lumpur pada waktu itu yang mempunyai kepentingan membawa hasil bijih timah.

Pada 1908, akhbar Malay Mail melaporkan

penduduk kawasan pantai barat Selangor mula merungut. Pengangkutan utama bas dari Klang ke Kuala Selangor amat terhad meski tambangnya murah.

Akhirnya British akur dan membina jalan kereta api antara Klang ke Kuala Selangor bermula Januari 1911. Binaan itu siap pada 1913. Bagaimanapun selepas 18 tahun berjasa, kereta api itu digantung perkhidmatannya pada November 1931.

## Laluan tinggal

Dua tahun kemudian, The Federated Malay States Railways (FMSR) memajak laluan berkenaan kepada Jabatan Kerja Raya. Alasannya, laluan rel berkenaan tidak lagi mampu bersaing dengan kewujudan jalan raya yang semakin baik.

Pada tahun sama, pengarang sebuah akhbar mengemukakan komentar mengenai perkara berkenaan. Laluan kereta api Klang-Kuala Selangor tidak mendapat sambutan kerana FMSR gagal menyambung konkrit rel ke pelabuhan Kuala Selangor.

Ia mendatangkan kesukaran kepada pedagang menyebabkan mereka lebih gemar menggunakan jalan raya untuk menghantar komoditi. Perlahan-lahan kereta api Klang-Kuala Selangor yang pernah menjadi perkhidmatan pengangkutan utama dilupakan.

Seorang peminat sejarah kereta api Meor Amran menjelajah laluan bersejarah itu dengan bantuan dron. Hasil rakaman dan tinjauan dimuatkan dalam saluran miliknya Jenut TN di YouTube.

“Saya tidak bersendirian, ada beberapa lagi penulis blog lain yang turut sama cuba

membongkar laluan kereta api ini. Antaranya Zkeretapi, Aku Budak Telok dan Riding Tales.

“Laluan kereta api Klang ke Kuala Selangor itu bermula dari Stesen Jambatan Connaught, Klang dan kemudiannya melalui 17 hentian sehingga ke Stesen Kuala Selangor,” katanya.

Videonya Menjejak Sejarah Pembinaan, Tapak Stesen dan Penutupan Laluan Keretapi Klang - Kuala Selangor dalam dua siri itu dimuatkan dua tahun lalu.

Dalam video tersebut dia menunjukkan kesan laluan kereta api, termasuk beberapa binaan dan peta Google terkini, sepanjang kira-kira 40 kilometer. Video itu menunjukkan rekod stesen antaranya Klang Utara, Sungai Putus, Parit Chabang, Vallambrosa, Sungai Perepat, Kapar Ilir, Kapar, Jalan Acob dan Suara.

Meor berkata, masih ada sisa tinggalan sejarah, antaranya cerucuk Jambatan George Dearie Russell di Sungai Puloh, Klang. Juga bongkah batu dipercayai sisa daripada bangunan pondok pengawal kereta api di hadapan Sekolah Kebangsaan Jeram.

Satu lagi tinggalan ialah Jambatan Besi Pasir Tuntung. Dibina lebih 100 tahun lalu, jambatan itu terbiar sehingga sudah tidak boleh digunakan kenderaan berat.

“Saya berharap dengan pendedahan dilakukan pengkaji-pengkaji sejarah ini diketahui pihak bertanggungjawab. Sebaiknya tinggalan sejarah ini perlu dijaga. Saya berharap supaya pihak berkuasa tempatan ataupun pelancongan boleh letak papan tanda.

“Pada masa sama, lebih ramai tahu tentang kewujudannya, sekali gus ada anak-anak bangsa menghargai tinggalan sejarah di Selangor ini,” katanya lagi.

# Selembar patriotisme

Oleh NAZLI IBRAHIM

Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN

**B**ermula menjahit baju anak untuk merai Hari Kebangsaan di sekolah, usahawan tekstil Ili Farhana Norsilan kini mengeluarkan pakaian tema patriotik untuk dijual kepada orang ramai.

Suami Hafiezzul Rahiman, 33, turut membantu ibu kepada dua anak perempuan itu menghasilkan pakaian tema patriotik di kilang milik perniagaannya di Hulu Langat sejak 2022.

“Saya dapat idea buat baju bertema patriotik sebab anak mahu pakai baju tema merdeka ke sekolah. Susah hendak cari yang sesuai, akhirnya kami buat sendiri. Dari situ kami dapat idea keluarkan baju tema merdeka,” kata anak kelahiran Labuhan Dagang, Kuala Langat itu ketika ditemui, pada 7 September.

Dilengkapi peralatan seba moden, kilangnya membuat kebaya, luna dress, peplum melor, set Laksamana, set Tun Teja, set Sri Kandi, set Kuntum dan set Tuah.

Dijual antara RM59 hingga RM70 untuk kanak-kanak dan dewasa berharga RM120, set kebaya, set Laksamana dan set Tuah paling mendapat sambutan.

Wanita berusia 36 tahun itu menyedari potensi pasaran kerana ramai orang memakai baju tema patriotik setiap kali sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia.

Khususnya golongan ibu bapa paling teruja mengenakan baju tema itu kepada anak-anak mereka, sekali gus memupuk generasi baharu mencintai negara.

Ada baju fesyen pasukan keselamatan semasa zaman darurat, ada baju ilham warna Jalur Gemilang dan tidak ketinggalan pakaian

ala pendekar zaman kesultanan Melaka.

Malah, pelbagai pertandingan atau acara keraian membabitkan pakaian patriotik anjuran sekolah, agensi dan badan bukan kerajaan menyebabkan permintaan pakaian bertema Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia meningkat saban tahun.

## Guna TikTok

Mengulas lanjut, Ili Farhana berkata beliau mampu meraih RM150,000 bagi jualan baju tema itu pada musim sambutan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia.

“Alhamdullilah jualan merdeka tahun ini sudah mencecah lebih RM150,000. Angka ini boleh meningkat lagi sampai 16 September nanti. Kami buat reka bentuk, corak ikut kehendak pelanggan sampailah siap, semua kami buat sendiri sebab itu kami boleh beri harga murah.

“Macam itu juga bila ada tempahan syarikat lain mahu tempah pukal buat baju Melayu, jersi, baju merdeka atau baju korporat jenama sendiri, kami boleh buat dengan harga berpatutan,” katanya.

Namun, lulusan Diploma Pengurusan Hartanah Universiti Teknologi Mara itu meluahkan rasa kecewa apabila corak dan reka bentuk pakaian dikeluarkannya ditiru pengeluar lain termasuk

syarikat besar.


“Kalu mahu tiru pun sikit-sikit Sudahlah, ubahlah mana patut tetapi ini tidak, disalinya bulat-bulat seratus peratus,” katanya dengan nada kecewa.

Selain pakaian tema patriotik, produk lain turut dihasilkan seperti baju Melayu, baju kurung, baju korporat dan jersi.

Butik Perniagaan Ollies Wardrobe yang bermula sejak 2012 kini mempunyai sebuah kilang di Semenyih dan empat lagi di Bangi menggajikan lebih 50 pekerja yang mengeluarkan pelbagai jenis pakaian untuk dijual secara borong dan runcit selain mengambil tempahan pukal daripada pengeluar jenama lain.

Dilengkapi dua mesin pencetak, mesin pemanas, mesin pemotong laser dan lebih 30 mesin jahit, pakaian yang dihasilkan akan dipasar melalui 143 ejen seluruh negara menerusi aplikasi Tiktok selain jualan secara borong kepada beberapa peniaga pakaian.

Kata Ili Farhana, pada hari biasa jualan pakaianya mampu mencecah lima angka sebulan. Jualan pakaian tertinggi pernah diraihnya semasa menjelang Ramadan dalam 2017 dan 2018, yang mencapai lebih RM500,000 sebulan.





Anwar bersama Menteri Ekonomi Rafizi Ramli menunjukkan dokumen Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 di Parlimen, Kuala Lumpur pada 11 September. Foto Bernama

**Sasar selesai tahun ini**

# Dana RM1.5 billion noktah miskin tegar

Oleh **SOFIA NASIR**

**SHAH ALAM** - Kerajaan Perpaduan mengulangi keazaman untuk menamatkan kemiskinan tegar pada tahun ini melalui pelbagai peluang pekerjaan dan pengukuhan perlindungan sosial.

Bagi mencapai hasrat itu, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata peruntukan RM1.5 bilion diluluskan untuk menggerakkan projek yang membantu golongan sasaran menjana pendapatan.

## Perkenal akta panduan bebas rasuah

**SHAH ALAM** - Kerajaan akan memperkenal Akta Tatakelola Sektor Awam dan Pelan Integriti sebagai panduan bebas rasuah untuk digunakan sektor awam mahupun swasta.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kerajaan juga menyasar kedudukan ke-25 teratas dalam Indeks Persepsi Rasuah sedunia dalam tempoh 10 tahun, lapor Berita Harian.

"Selain daripada penambahbaikan aspek perundangan dan penguatkuasaan, kerajaan juga menekankan pengukuhan jati diri dan akhlak dalam diri

"Kerajaan berikrar untuk menoktahkan kemiskinan tegar tahun ini tanpa mengira etnik mahupun keberadaan mereka di bandar, desa dan pedalaman," katanya di Parlimen pada 11 September.

Dalam pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), beliau berkata kerajaan bertungkus-lumus bagi membantu 114,000 keluarga miskin tegar di negara ini.

Anwar berkata usaha membasmi kemiskinan diperkenal antaranya pro-

gram Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar, Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat dan Pembangunan Ekonomi Orang Asli.

Beliau menambah kerajaan juga melaksanakan Program Khas Bumiputera Sarawak dan Program Khas Anak Negeri Sabah untuk meningkatkan pendapatan masyarakat setempat.

"Bagi etnik Cina dan India yang berpendapatan rendah, beberapa inisiatif akan terus dilaksanakan di Kampung Baru Cina dan sebagaimana dalam Malaysian Indian Blueprint," katanya.

setiap warganegara.

"Justeru, pentingnya pendidikan kesedaran antirasuah yang harus dikembangkan pada semua peringkat usia," katanya di Parlimen pada 11 September.

Dalam pembentangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12, Anwar berkata Pasukan Petugas Khas Reformasi Sektor Awam (STAR) ditubuh bagi memperkemas jentera perkhidmatan awam.

Beliau menjelaskan pasukan tersebut juga membantu menyelesaikan urusan tertangguh selain menyegerakan

pelaksanaan projek serta penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.

"STAR berjaya melaksanakan projek rintis mengurangkan kesesakan dan tempoh menunggu pesakit di Zon Hijau Jabatan Kecemasan dan Trauma, Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang.

"Tempoh kelulusan pas ekspatriat dikurangkan daripada 87 hari kepada lima hari untuk syarikat memenuhi kriteria dan kaedah bayaran tanpa tunai bagi menangani rasuah akan diperluas," katanya.

## Ekonomi kembang 5.5 peratus

**SHAH ALAM** - Ekonomi dijangka berkembang 5.0 dan 5.5 peratus setahun untuk baki Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12), menurut laporan Kajian Separuh Penggal RMK12 bagi 2021 hingga 2025.

Mengikut Kementerian Ekonomi pada 11 September, pendapatan negara kasar per kapita diunjur meningkat 4.6 peratus setahun kepada RM61,000 pada 2025, lapor Bernama.

Potensi pengeluaran pula dijangka berkembang antara 5.5 dan 6 peratus setahun bagi tempoh 2023 hingga 2025, di dorong produktiviti yang lebih tinggi.

Pengeluaran berupaya berkembang 3.8 peratus setahun manakala Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) berkembang 5.9 peratus berdasarkan kajian semula antara 2021 hingga 2022.

## Bantu syarikat kecil, sederhana

**SHAH ALAM** - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu tumpuan dalam memperkasa usahawan Bumiputera dengan memberi keutamaan kepada syarikat berskala kecil dan sederhana.

Beliau menjelaskan kongres ekonomi Bumiputera akan diadakan pada Januari 2024 bagi menetapkan hala tuju dan pendekatan baharu yang lebih adil, saksama dan inklusif, lapor Bernama.

Katanya, perkara tersebut penting berikutan agenda pemerkasaan Bumiputera dalam pemilikan ekuiti belum mencapai sasaran 30 peratus seperti yang ditetapkan sebelum ini.

"Ikhtiar bermakna bagi memperkasa Bumiputera beranjak dari tumpuan terhadap syarikat terpilih dengan mengupaya lebih ramai usahawan dan syarikat skala kecil dan sederhana," katanya pada 11 September.

## Wajib jalani saringan kesihatan

**SHAH ALAM** - Semua ahli parlimen wajib menjalani pemeriksaan bagi memastikan tahap kesihatan mereka dalam keadaan baik.

Yang Dipertua Dewan Rakyat Tan Sri Johari Abdul berkata itu diberikan perhatian mengikut saranan Kementerian Kesihatan sebelum ini.

"Saya amat prihatin dan mengambil berat terhadap tahap kesihatan melibatkan ahli yang berhormat di dalam dan luar Dewan Rakyat malahan terdapat kes yang menyebabkan kematian," katanya pada 13 September.

Menurutnya, pemeriksaan boleh dilaksanakan di Klinik Kesihatan Parlimen atau fasiliti swasta seperti yang diperincikan dalam surat pemakluman dan tarikh akhir pada 31 Oktober.

## Proses sijil halal dipercepat

**SHAH ALAM** - Proses pengeluaran sijil pengesahan halal diselesaikan dalam tempoh lebih cepat tanpa mengetepi aspek pematuhan syariah berdasarkan piawaian dan prosedur yang ditetapkan.

Menteri Hal Ehwal Agama Dato' Setia Dr Mohd Na'im Mokhtar menjelaskan program Inisiatif Segera Pensijilan Halal Malaysia 2.0 mempercepat proses pengeluaran sijil itu, lapor Bernama.

Beliau berkata penambahbaikan berkenaan menjadikan pengeluaran sijil diselesaikan dalam masa 30 hari bekerja untuk permohonan domestik dari tarikh permohonan.

"Permohonan pengilangan luar negara pula hanya mengambil masa kurang dari tiga bulan," katanya dalam majlis perasmian Halal Global Summit di Kuala Lumpur pada 12 September.

## Pilih restoran ada logo Jakim

**SHAH ALAM** - Umat Islam dinasihati supaya berhati-hati dan memastikan restoran yang dikunjungi memiliki status halal daripada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Menteri Hal Ehwal Agama Dato' Setia Dr Mohd Na'im Mokhtar mengingatkan perkara berkenaan penting berikut setiap makanan yang diambil akan menjadi darah daging, lapor Bernama.

"Saya menasihati seluruh masyarakat Islam agar berhati-hati bila kita ke restoran dan tempat makan, sebagai orang Islam kita digalakkan tengok ada logo halal atau tidak," katanya.

MoHD Na'im berkata umat Islam digalak melayari pautan halal.gov.my atau memuat turun aplikasi Verify Halal bagi mengetahui sama ada pemilik premis makanan ada sijil halal atau sebaliknya.

## Pamer simulator pesawat Hawk

**SHAH ALAM** - Pengunjung Pameran Udara Selangor (SAS) 2023 tidak melepaskan peluang membawa pesawat Hawk menerusi simulator penerbangan milik Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Pegawai Waran Pusat Simulator Pejuang TUDM Azean Aliasan menjelaskan simulator itu yang satu-satunya ada di negara ini pertama kali dibawa khas sempena peringanjuran pameran berkenaan.

"Simulator pesawat Hawk ini hanya terdapat satu di Malaysia dan pertama kali dibawa kepada pengunjung supaya mereka dapat merasai sendiri bagaimana pengendaliannya."

"Sambutan menggalakkan. Bukan sahaja terbuka kepada kanak-kanak tetapi orang dewasa juga merasai pengalaman mengendalikan pesawat Hawk menerusi simulator," katanya pada 9 September.

## Pendengaran kes perhatian umum

**SHAH ALAM** - Prosiding Jawatankuasa Pilihan Khas Hak Asasi Manusia, Pilihan Raya dan Reformasi Institusi termasuk penjelasan peguam negara perlu dibuat secara langsung atau pendengaran awam.

Ahli Parlimen Gombak Dato' Seri Amirudin Shari berkata perkara tersebut penting supaya rakyat benar-benar memahami butiran kes termasuk pengguguran pendakwaan yang menjadi perhatian umum.

"Proses jawatankuasa wajar diada-

kan secara live telecast (siaran langsung) atau pendengaran awam yang boleh didengari rakyat kerana ia menjadi isu," katanya.

Beliau yang juga Dato' Menteri Besar berkata demikian ketika membahaskan usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-12 di Dewan Rakyat pada 13 September.

Amirudin menggesa kerajaan mempercepat usaha memisahkan kuasa pendakwa raya dan peguam negara yang

dimulakan Menteri Undang-Undang dan Reformasi Datuk Seri Azalina Othman Said semalam.

"Ketika Perikatan Nasional jadi kerajaan pun, ada mereka yang digugurkan pendakwaan atas keputusan peguam negara dengan alasan tertentu."

"Sebab itu, saya minta pendengaran itu bukan dihadiri ahli parlimen sahaja, sewajarnya dibuat pendengaran terbuka yang rakyat boleh lihat dan dengar penjelasan peguam negara," katanya.

### Enam langkah atasi kekurangan beras

## Pengilang diarah serah stok padi

Oleh **KHAIRUL AZRAN HUSSIN**

**SHAH ALAM** - Enam langkah segera dibuat bagi mengatasi kekurangan beras termasuk memberi lesen khas kepada agensi kerajaan untuk membekal bahan itu ke lokasi yang berdepan kekurangan stok.

Berdasarkan infografik Kementerian Ekonomi, pengilang juga disyarat untuk menyerah 20 peratus stok padi kepada Padiberas Nasional Berhad (Berna) untuk memproses dan mengagihkannya kepada pembekal.

Kerjasama dengan Kementerian Per-

dagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak Hidup juga dibuat untuk mengadakan pemeriksaan besar-besaran terhadap pemborong, pengilang dan penjual beras.

Kementerian Ekonomi juga menubuh pasukan khas bagi memeriksa secara rawak termasuk analisis kimia dibuat ke atas beras import di pasaran untuk mengelakkan penipuan atau campuran beras.

"Setiap pengguna atau peniaga kedai makan hanya boleh membeli maksimum 100 kilogram beras putih mulai 7 Ogos," menurut infografik di Twitter pada 10 September.

Kementerian Ekonomi juga melancarkan talian khas bagi memudahkan orang ramai menyalur sebarang maklumat isu bekalan atau penyelewangan beras menerusi 03-88701751/1748/1183.

Kementerian itu juga memberi penjelasan kesan kenaikan harga beras import menyebabkan beras putih tempatan naik mendadak hingga mengakibatkan peniaga beralih kepada beras tempatan.

"Stok beras putih tempatan di pasar raya akan cepat habis seterusnya sukar untuk dibeli pengguna," kata infografik tersebut.

## Bina 500,000 rumah mampu milik

**SHAH ALAM** - Sebanyak 108,373 unit rumah mampu milik dibina setakat akhir tahun lalu dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK12), kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Membentang Kajian Separuh Penggal RMK12, beliau yakin sasaran membina 500,000 unit rumah sedemikian mampu dicapai dengan kerjasama sektor awam dan swasta, lapor Berita Harian.

"Kerajaan cakna dan menjadikannya agenda utama yang tidak boleh dikompromi. Kita sedar harga rumah dan kadar sewa yang meningkat membebankan rakyat," katanya pada 11 September.

Beliau menambah Skim Sewa untuk Beli juga akan diperluas bagi membantu lebih ramai memiliki rumah selain inisiatif tempat tinggal sejaan kepada golongan kurang berkemampuan di

bandar.

"Projek rintis 800 unit Perumahan Inklusif Madani akan dibangunkan untuk golongan sasar di bandar utama seperti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Selangor dan Pulau Pinang.

"Tumpuan juga akan diberi untuk meneroka potensi perkampungan persaraan yang inklusif bagi persediaan menghadapi impak negara menua," katanya yang juga menteri kewangan.

## Tingkat kemahiran lepasan SPM

**SHAH ALAM** - Dana RM40 juta disediakan bagi mempertingkat kemahiran kakitangan tidak formal termasuk pekerja sampingan (gig) berkelayakan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan kebawah.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kerajaan membuka ruang kepada lepasan SPM yang tidak melanjutkan pelajaran menceburi sektor pembuatan sebagai pekerja berkemahiran.

Beliau juga menjelaskan usaha berkenaan akan dijayakan Akademi dalam Industri (Aid) menerusi dana khusus RM209 juta termasuk insentif eluan penempatan, lapor Bernama.

"Seramai 50,000 anak muda kita disasarkan mendapat pekerjaan berkemahiran dengan Sijil Kemahiran Malaysia pada akhir RMK12," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentang usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia ke-12 an-

tara 2021 hingga 2025 di Parlimen pada 11 September.

Anwar berkata kerajaan juga menggalakkan tenaga pengajar Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) mengikuti latihan kemahiran semula bagi mengukuhkan sistem pendidikan itu.

"Kerajaan percaya keputusan untuk mengkaji peningkatan gaji lepasan TVET mampu mengubah persepsi masyarakat terhadap TVET sebagai laluan kerjaya," katanya.

# Kolam takungan elak banjir kilat

**SHAH ALAM** - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor diminta memeriksa dua kolam takungan bawah pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) bagi mengelak kemungkinan banjir.

Timbalan Datuk Bandar Shah Alam Ir Cheremi Tarman mahu kolam di Ara Damansara dan Taman Saujana Indah, TTDI Jaya yang dibina sejak 2006 berfungsi bagi menampung air ketika hujan lebat.

"Kita minta bantuan JPS untuk tengok balik dua kolam besar itu supaya ia boleh berfungsi memandangkan sewaktu hujan lebat air akan masuk

ke kolam terbabit.

"Kolam itu untuk tumpang lebih air supaya tidak mengalir ke hilir. Misalnya jika hujan di Kota Damansara, air akan bertakung di kolam takungan itu," katanya pada 10 September.

Ir Cheremi menjelaskan sebahagian projek mengatasi bah dibuat bawah Pelan Tindakan Banjir Shah Alam (SASuD) meliputi pelebaran dan penggantian parit di Taman Sri Muda, Seksyen 25.

Beliau turut memaklumkan perancangan meningkatkan kapasiti pam di Taman Sri Muda selain meninggikan ban sepanjang Sungai Damansara

dan Stadium Shah Alam.

"Sehingga kini, segala yang dirancang sudah kita laksanakan sebahagiannya dan ada juga projek dalam fasa terakhir untuk diiklankan serta menunggu lantikan kontraktor.

"Pelarasan akan dibuat antara MBSA dan JPS supaya kerja berjalan mengikut jadual bagi mengurangkan kesan banjir," katanya lagi.

Pada 9 Disember, EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim memaklumkan MBSA menjadi pihak berkuasa tempatan pertama di negara ini melaksanakan pelan bersepada projek tebatan banjir menerusi SASuD.

# Pasang 46,000 lampu jalan solar

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) giat memasang 46,000 lampu jalan solar diod pemancar cahaya (LED) bagi mengurangkan pelepasan karbon.

Timbalan Datuk Bandar Shah Alam Ir Cheremi Tarman berkata kerja pemasangan sejak 2018 kini berbaki 4,000 lagi dan dijangka selesai sepenuhnya menjelang akhir tahun.

"Ada 64,000 lampu jalan mentol

tetapi 18,000 daripadanya milik Jabatan Kerja Raya dan Tenaga Nasional Berhad, selebihnya MBSA yang ditukar kepada lampu LED," katanya pada 10 September.

Beliau berkata kos lampu jalan berkurangan kepada RM5.7 juta setahun sejak 2018 hingga tahun lepas, berbanding RM12.9 juta pada tahun-tahun sebelumnya berikutan penggunaan kemudahan itu.

"Perbezaan lebih kurang RM7 juta atau 50 peratus berbanding penggunaan lampu jalan mentol, selain menjimatkan kos penyelenggaraan dan paling penting pelepasan karbon berkurang.

"Malah, pemantauan kerosakan lampu jalan juga boleh dibuat melalui aplikasi sekali gus memudahkan pegawai tanpa perlu membuat pemeriksaan tiap-tiap malam," katanya lagi.

## Bandar raya pertama mesra kanak-kanak

**PETALING JAYA** - Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengiktiraf Petaling Jaya sebagai Bandar Raya Mesra Kanak-Kanak pertama di Malaysia.

Timbalan Datuk Bandar Petaling Jaya Aznan Hassan berkata kejayaan itu wajar dibanggakan kerana Majlis Bandaraya Petaling Jaya pihak berkuasa tempatan pertama di negara ini menerima anugerah tersebut.

"Kita baru dapat pengiktirafan minggu lalu di Sepanyol dan diterima Datuk Bandar (Mohamad Azhan Md Amir) yang berada di sana.

"Kita bangga menerima pengiktirafan ini kerana bukan mudah untuk mendapatkaninya dan sudah empat tahun kita berusaha," katanya dalam Ekspos Buku Petaling Jaya 2023 (PJBX2023) pada 11 September.

Selain menyediakan kemudahan mesra kanak-kanak, Aznan berkata antara kriteria yang melayakkkan Petaling Jaya menerima pengiktirafan kerana insiatif mewujudkan Majlis Kanak-Kanak dalam organisasi PBT.

"Bandar ini mesra kanak-kanak dari segi kemudahannya. Selain itu, kita juga mendekati mereka ketika mesyuarat penuh MBPJ."

## Alunan gembus di ulang tahun MPK

**KLANG** - Deklamasi puisi dan alunan muzik gembus memeriahkan sambutan ulang tahun ke-133 pentadbiran Klang di Plaza Majlis Perbandaran Klang (MPK) pada 9 September.

Yang Dipertua Noraini Roslan berkata pencapaian ratusan tahun pentadbiran Klang kelolaan MPK membanggakan apabila ia bakal dinaik taraf kepada status bandar raya dalam masa terdekat.

"Klang menjadi PBT keempat (di Selangor) yang dinaik taraf menjadi bandar raya dan bakal dikenali sebagai Majlis Bandaraya Diraja Klang tidak lama lagi."

"Persembahan puisi yang dipertonton ini juga menampilkan karya-karya sajak, syair dan nazam memperlihatkan keindahan Klang yang semakin pesat membangun."

## Info terkini status air di media sosial

**SHAH ALAM** - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) meminta pelanggan supaya mendapatkan informasi sahih dan terkini berkaitan kerja pemberaan dan menaik taraf loji rawatan air (LRA) melalui media sosial rasmi dan laman sesawang syarikat itu.

Air Selangor memaklumkan video kerja pemberaan di LRA milik syarikat itu pada 2021 yang diulang siar dan tular menerusi media sosial baru-baru ini, telah memberi kesan kepada pengguna di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

"Ingin kami tekankan dan ingatkan kepada pelanggan dan pengguna bahawa sebarang informasi sahih dan terkini mengenai kerja pemberaan dan naik taraf loji rawatan air kami adalah melalui media sosial rasmi Air Selangor dan laman sesawang kami."

"Pastikan benar, baru sebar," katanya di Facebook pada 12 September.

## 2,000 rai sambutan kemerdekaan MBSJ

**SUBANG JAYA** - Perarakan Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia sempena program Hari Tanpa Kenderaan Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) di sini berlangsung meriah dengan kehadiran 2,000 orang.

Datuk Bandar Subang Jaya Mohd Fauzi Mohd Yatim berkata acara yang disertai 624 peserta pelbagai agensi bertujuan menanamkan semangat cintakan negara dalam kalangan masyarakat setempat.

"Acara ini julung kali diadakan dan sambutannya sangat mengalakkan daripada masyarakat di sini."

"Disebabkan itu, kita akan cuba buat beberapa penambahbaikan untuk dijadikan sebagai aktiviti tahunan dengan pelbagai pengisian yang lebih menarik," katanya pada 10 September.

## Wan Azizah terima anugerah khas

**KUALA SELANGOR** - Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail di-anugerah Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Sains Politik dan Kemasyarakatan sempena Istiadat Konvokesyen Universiti Selangor (Unisel) ke-17.

Anugerah tersebut yang disampaikan Canselor Unisel Raja Tan Sri Arshad Alhaj Raja Tun Uda



Alhaj pada 9 September bertujuan mengiktiraf sumbangan besar bekas timbalan perdana menteri itu.

Presiden Unisel Prof Dato' Dr Mohammad Redzuan Othman menjelaskan Wan Azizah yang juga ahli parliment Bandar Tun Razak seorang yang prihatin terhadap perkembangan universiti

berkenaan.

"Pada Oktober 2018, Wan Azizah berkunjung ke Unisel bagi merasmikan persidangan kebangsaan wanita dan kanak-kanak selain Karnival Komuniti Prihatin dan Hari Terbuka Unisel 2018."

"Beliau tokoh wanita berjiwa kental dan pemimpin cekal. Beliau juga wanita pertama memimpin parti politik besar dan berpengaruh selain menjadi ketua pembangkang parliment," katanya.

### Wujudkan masyarakat harmoni

## Seru pelajar terap semangat perpaduan

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD

**KUALA SELANGOR** - Universiti Selangor (Unisel) memberi penekanan kepada nilai perpaduan, budaya dan agama dalam menyediakan pendidikan terbaik kepada pelajarnya yang berbilang kaum.

Canselor Raja Tan Sri Arshad Alhaj Raja Tun Uda Alhaj berkata semangat berkenaan perlu diteruskan sepanjang masa pergaulan sekali gus mewujudkan masyarakat harmoni.

"Saya gembira melihat dewan dipenuhi graduan Melayu, Cina, India dan kaum daripada Sabah dan Sarawak.

Ada juga pelajar daripada Indonesia, Oman, Pakistan, Somalia, China dan Kenya.

"Sebagai bakal alumni, kalian perlu menjadi duta keharmonian yang membanggakan universiti serta negeri," katanya ketika merasmikan Istiadat Konvokesyen ke-17 Unisel pada 9 September.

Beliau juga menyeru lepasan universiti tersebut supaya menjadi ahli alumni sekali gus menyumbang kepada pembangunan akademik, penyelidikan dan inovasi melalui Yayasan Unisel.



Sementara itu, penerima Anugerah Canselor Siti Nazihah Zulkifli terharu dan menghargai pengiktirafan yang diberi kepada dia.

"Ini anugerah terulung. Perjalanan sejak 2018 ketika dipamerkan hingga ijazah memberi pengalaman sangat berharga dan tidak ternilai."

"Keputusan memilih Unisel tepat kerana membantu saya membentuk jati diri dan sikap budiman. Unisel juga melatih bersikap positif sebelum ajar untuk mendepani dunia pekerjaan," katanya.

## SMK Sungai Besar juara sketsa

**SHAH ALAM** - Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Besar, Sabak Bernam muncul juara pertandingan Sketsa Rukun Negara anjuran Jabatan Penerangan (JaPen).

Kejayaan menerusi sketsa 'Putik Pertiwi' melayakkkan mereka membawa pulang wang tunai RM2,000, pingat dan sijil penyertaan selain mewakili Selangor ke peringkat kebangsaan, lapor Bernama.



Pengarah JaPen negeri Normaizatul Akmal Tujad berkata pertandingan itu bertujuan mendidik pelajar menghayati lima prinsip utama Rukun Negara bagi menyemai semangat patriotik.

"Pertandingan ini berasaskan persembahan peserta berkumpulan yang terdiri daripada empat hingga lima ahli dan dibantu petugas teknikal kumpulan," katanya pada 6 September.

Naib johan dimenangi SMK Tinggi Klang melalui sketsa 'Kisah Atok' manakala SMK Seri Keramat, Gombak menerusi persembahan bertajuk "Wira Perpaduan Semat Production" di tempat ketiga.

## Program menarik di Hydro Family

**SHAH ALAM** - Sempena ulang tahun keempat, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) menganjurkan program Hydro Family on Wheels sehingga 1 Oktober.

Berlangsung di tujuh lokasi terpilih, program berkonsep santai dan kekeluaran itu menyediakan pelbagai hadiah menarik dan kopi percuma kepada pengunjung.

"Hydro Family on Wheels menawarkan aktiviti yang menyeronokkan seperti su-

kan boling dan swafoto bersama Hydro Family hanya untuk anda.

"Jom kenal kami dengan lebih dekat dan #JomBorak sambil bertanya apa-apa soalan berkaitan air atau akaun air anda," menurut kenyataan di Facebook pada 8 September.

Bermula di pusat beli-belah Aeon Bukit Tinggi, Klang, acara berkenaan diteruskan di Aeon Bukit Raja (16-17 Sept), Aeon Au2, Ampang Jaya (23 Sept) dan Dataran MBPJ

(24 Sept).

Jelajah diteruskan di pusat beli-belah IOI Puchong (28 Sept), Kip Mart Kota Warisan, Sepang (29 Sept) dan Aeon Shah Alam pada 31 September hingga 1 Oktober.

Pengunjung juga berpeluang mengetahui peranan dan tanggungjawab Air Selangor. Maklumat lanjut layari [www.airselangor.com/hydro-family-on-wheels/](http://www.airselangor.com/hydro-family-on-wheels/)



**GIGIH...** Pemain Harimau Malaya Luqman Hakim (tengah) cuba melepas pertahanan Thailand dalam perlawanan kelayakan Piala Asia B-23 di Stadium Chonburi pada 12 September. Foto Facebook Persatuan Bolasepak Malaysia

Temui persatuan sukan

# Pertimbang empat acara ke SUKMA

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL

**SHAH ALAM** - Empat persatuan sukan akan bertemu Kerajaan Negeri bagi membincangkan kesediaan bertanding dalam Sukan Malaysia (SUKMA) 2024 di Sarawak.

EXCO Sukan Najwan Halimi berkata persatuan tinju, muay thai, petanque dan e-sukan negeri akan memberi penerangan terperinci mengenai penyertaan mereka.

"Empat sukan tambahan ini baharu diumumkan dan mengambil masa

untuk sesi taklimat, persiapan. Kita akan adakan pertemuan dahulu dan lihat perancangan selanjutnya.

"Namun, bagi sukan lain Kontingen Selangor telah mulakan persiapan dan sasar tempat teratas. Kita berharap dapat ulang kejayaan sekali lagi iaitu muncul juara SUKMA pada 2016 yang berlangsung di Sarawak ketika itu," katanya pada 4 September.

Mac lalu, Menteri Belia dan Sukan Hannah Yeoh mengumumkan Sarawak dipilih tuan rumah SUKMA 2024 selepas mempengerusikan

mesyuarat jawatankuasa tertinggi.

Pemilihan Sarawak berpandukan sistem penggiliran diikuti Kelantan pada 2028.

Temasya di Sarawak menyaksikan 28 jenis sukan wajib dipertanding antaranya akuatik (renang dan terjun), angkat berat, badminton, berbasikal (trek dan lebuh raya), gimnastik (artistik dan gimrama), golf, lawan pedang, memanah dan menembak.

Selain itu, olahraga, pelayaran, hoki, judo, ping pong, taekwondo, karate, boling padang, pencak silat dan sepak takraw.

## Sasar 27 pingat di Sukan Asia

**SHAH ALAM** - Malaysia hanya menyasarkan 27 pingat di Sukan Asia Hangzhou 2022 tanpa mengikut warna pingat buat kali pertama bagi mengejalkan tekanan kepada atlet.

Ketua Kontinen Negara Datuk Chong Kim Fatt berkata keputusan itu mengambil kira pandangan semua pihak terlibat termasuk Universiti Sains Sukan Nippon, Jepun yang bekerjasama dengan Majlis Sukan Negara (MSN).

"Pengumuman sasaran pingat emas sahaja boleh menyebabkan tekanan berlebihan buat atlet dan jejakkan tumpuan mereka pamerkan prestasi terbaik

mereka," katanya seperti dilapor Berita Harian pada 12 September.

Beliau berkata acara terjun, badminton, berbasikal trek, ekuestrian, hoki, karate, memanah, olahraga, pelayaran, sepak takraw, skuasy, wushu dan e-sukan sebagai sukan yang diletakkan sambutan pingat pada kali ini.

Sementara itu, Kim Fatt menasihati semua atlet terlibat supaya mengurangkan penggunaan media sosial untuk menjaga kesihatan mental.

Beliau berkata atlet perlu memberikan tumpuan penuh kepada latihan supaya dapat memamerkan prestasi ter-

baik dalam temasya yang bermula pada 23 September hingga 8 Oktober.

"Matlamat utama adalah untuk menang pingat di gelanggang (bukan untuk meningkatkan pengikut di media sosial). Kita (sekretariat) akan uruskan semua masalah yang timbul sebelum pertandingan, selepas masuk gelanggang. Ia jadi tanggungjawab atlet untuk menentukan keputusan," katanya.

Menurut Kim Fatt, kriket bakal menjadi pasukan pertama berlepas ke Hangzhou, China pada 17 September memandangkan acara itu bermula dua hari kemudian.

## Misi Red Giants ke separuh akhir

**SHAH ALAM** - Suku akhir Piala Malaysia pertama antara Selangor FC dan Terengganu FC berlangsung pada 16 September.

Skuad kendalian Tan Cheng Hoe bakal bertandang ke Stadium Sultan Mizan Zainal Abidin, Kuala Terengganu sebelum menanti kunjungan lawan di Stadium MBPJ, Petaling Jaya pada 24 September.

Pemenang bakal bertemu Kuala Lumpur City FC atau Sri Pahang FC yang beraksi pada 17 dan 24 September.

Dua lagi perlawan menemukan juara musim lalu, Johor Darul Ta'zim (JDT) dan Negeri Sembilan FC (13 dan 23 September) manakala Sabah menentang Perak FC pada 15 serta 25 September.

## RM80,000 untuk regu boling padang

**SHAH ALAM** - Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mengumumkan insentif RM40,000 seorang buat beregu boling padang wanita negara selepas menjuarai Kejohanan Boling Padang Dunia di Gold Coast, Australia pada 9 September.

Menterinya Hannah Yeoh berkata insentif Skim Hadiah Kemenangan Sukan (SHAKAM) itu bagi menghargai kejayaan Nur Ain Nabilah Tarmizi-Aleena Ahmad Nawawi menamatkan penantian emas 15 tahun sekali gus mengharumkan nama negara.

"KBS amat gembira dengan kejayaan kedua-dua mereka. Di peringkat Majlis Sukan Negara, saya nak umumkan SHAKAM yang akan diberikan buat Nur Ain dan Aleena adalah RM80,000, jadi setiap seorang akan memperoleh RM40,000," katanya seperti dilapor Berita Harian pada 11 September.

Gandingan negara itu menewaskan pasangan Malta Rebecca Rixon-Connie Leigh Rixon 15-11 pada aksi akhir berpasangan wanita.

## Teliti pendekatan bantu sukan udara

**SHAH ALAM** - Kementerian Belia dan Sukan (KBS) meneliti pendekatan yang boleh dilaksanakan bagi menyokong pembangunan sukan udara.

Menterinya Hannah Yeoh berkata pihaknya dalam proses bertemu persatuan terlibat bagi mendapatkan maklumat terperinci selain menyelaraskan garis panduan serta keperluan pihak berwajib.

"Sukan udara merupakan satu jenis sukan baharu di negara ini dan akan melihat kaedah pembangunan dengan sokongan kerajaan persekutuan dan negeri."

"Untuk permulaan, bulan lepas kita telah meluluskan permohonan Persatuan Sukan Udara Malaysia (MSAF) untuk memiliki pusat latihan tetap di MRANTI Park, Bukit Jalil," katanya selepas melawat Pameran Udara Selangor 2023 pada 8 September.



**BORHAN AMAN SHAH**  
Tanjung Sepat

menyampaikan Baucar Halal Selangor di Dewan Sri Kundang, Kuala Langat



**DATUK RIZAM ISMAIL**  
Sungai Air Tawar

menyapa penduduk di Kampung Parit Baru, Sabak Bernam



**MARIAM ABDUL RASHID**  
Meru

melawat mangsa kemalangan motosikal di Kampung Budiman, Klang



**SYED AHMAD ALHADAD**  
Lembah Jaya

menyertai gotong-royong di Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Indah, Ampang Jaya



**DR QUAH PERNG FEI**  
Bandar Baru Klang

menyerahkan sumbangan Perkeso di Taman Cempaka, Klang



**WAYNE ONG CHUN WEI**  
Balakong

meninjau keadaan infrastruktur rosak di sekitar Kajang



**NG SUEE LIM**  
Sekinchan

ziarah penduduk yang sakit di kawasan DUN beliau



**DR FAHMI NGAH**  
Seri Setia

merasmikan liga futsal di pusat beli-belah Evolve Concept, Petaling Jaya



Bantu usahawan pasar produk

# 120 jenis sayur segar serendah RM1

Oleh SHEEDA FATHIL

**SHAH ALAM** - Orang ramai dipelawa ke Laman Niaga Usahawan KoHijrah di Seksyen 15 di sini bagi mendapatkan 120 jenis sayuran pada harga serendah antara RM1 hingga RM5.

Pengurus Besar Koperasi Warga Hijrah (KoHijrah) Mohammad Syukri Ismail berkata program Sayur Segar KoHijrah Jualan Rakyat sejak 11 September dibuka setiap hari mulai 6 pagi hingga 9 malam.

"Semua sayuran ini kita bawa segar dari ladang 75 pekebun atau usahawan KoHijrah di sekitar Kuala Langat dan Johan Setia, Shah Alam.

"Jualan ini bagi membantu para usahawan memasarkan produk mereka termasuk menyantuni rakyat yang



terkesan dengan masalah kenaikan harga barang pada masa kini," katanya.

Mohammad Syukri berkata pihaknya bercadang menambah barang lain antaranya ayam, ikan, telur dan buah-buahan segar yang akan dijual pada harga lebih rendah kelak.

"Sekiranya mendapat sambutan kita juga bercadang untuk membuka pasar segar seperti ini di Seksyen 32, Shah Alam dan Morib pada masa akan datang," katanya.

Laman Niaga KoHijrah yang dibuka dari jam 9 pagi hingga 9 malam turut menyediakan 32 lot kedai menjual pelbagai produk usahawan bimbangannya.

Sementara itu, Mohammad Syukri memaklumkan KoHijrah bakal melancarkan kendara saji yang menjual

barang keperluan asas termasuk sayur dan ikan dalam masa dua minggu lagi.

Beliau menjelaskan tumpuan jualan pada masa ini dibuat di Shah Alam dan Klang dengan bergerak ke lokasi menempatkan pejabat kerajaan dan sektor swasta.

"Kita akan menjual pelbagai barang asas dan segar seperti sayur, ikan, ayam, telur, daging, tepung dan pelbagai lagi kepada kakitangan kerajaan dan swasta.

"Dengan cara ini, mereka tidak perlu lagi ke pasar raya selepas waktunya kerja sebaliknya hanya membeli-belah bahan masakan di trak KoHijrah," katanya.

Menurutnya, dua kawasan berkenaan menjadi tumpuan terlebih dahulu sebelum diperluas di beberapa lokasi lain bergantung atas sambutan pembeli.

## Pelawa usahawan sertai KoHijrah

**SHAH ALAM** - Usahawan di negeri ini dipelawa menyertai Koperasi Warga Hijrah Selangor Berhad (KoHijrah) untuk meluaskan pasaran produk.

Pengurus Besarnya Mohammad Syukri Ismail berkata koperasi itu yang beroperasi sejak 2016 kini mempunyai seramai 12,150 usahawan dan terbukti berjaya mengembangkan peniagaan ahlinya.

"Kita mengalu-alukan mana-mana usahawan di Selangor yang berminat menjadi sebahagian daripada warga KoHijrah untuk kami bantu memasarkan produk mereka.

"Yuran pendaftaran serendah RM50 seumur hidup dengan modal perkongsian antara RM100 hingga RM10,000 bergantung kepada kemampuan masing-masing," katanya pada 11 September.

Mohammad Syukri berkata sebanyak 10 peratus pulangan dividen diberi KoHijrah kepada usahawannya pada setiap tahun.

Antara syarat penyertaan mesti berniaga di Selangor dan berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Mereka yang berminat boleh ke Wisma KoHijrah di Seksyen 32, Shah Alam atau hubungi talian 03-5525 1109.



**Selamat  
Hari Malaysia**  
**16 September 2023**

**#KitaSelangor**


"Perpaduan adalah kekuatan,  
penyatuan itu tanda kesetiaan."

Daripada:












Pameran udara 2025  
di KLIA

2

RM1.5 bilion noktah  
miskin tegar

17

Saringan percuma  
diteruskan

7

PJ bandar raya pertama  
mesra kanak-kanak

19

# selangorkini

## Malaysia layak ke Piala Asia B-23

**SHAH ALAM** - Skuad bawah 23 tahun (B-23) negara mara ke Piala Asia B-23 di Qatar, tahun depan selepas muncul naib juara kumpulan keempat terbaik.

Malaysia layak sebagai salah satu daripada empat pasukan di tangga kedua terbaik selepas muncul naib juara Kumpulan H dengan dua kemenangan.

Ia adalah penampilan ketiga skuad negara di Piala Asia B-23 selepas melakukannya pada 2018 dan 2022.

Terdahulu, skuad bimbingan E Elavarasan tewas 1-0 kepada Thailand dalam aksi terakhir pada 12 September.

## 100,000 sate di Pesta Bagan Lalang

**SHAH ALAM** - Seramai 10,000 pengunjung disasar memeriahkan Fiesta Sate Selangor di Pantai Bagan Lalang, Sepang pada 16 September ini.

EXCO Kemajuan Desa dan Luar Bandar Datuk Rizam Ismail berkata bermula jam 10 pagi hingga 2 petang, pelbagai aktiviti menarik diadakan termasuk hidangan 100,000 cucuk sate percuma kepada pengunjung.

"Kali ini kita menyasarkan mencipta rekod baharu Malaysia Book of Records (MBOR) dengan penyediaan 100,000 cucuk sate yang mana rekod terdahulu direkodkan pada 2015 dengan 50,000 cucuk sate.

"Ini juga berikutan kejayaan pengiktirafan MBOR untuk penyediaan 2022 dulang nasi ambeng dalam Fiesta Nasi Ambeng Tradisional Selangor tahun lalu.

"Sebanyak 10 vendor sate dari seluruh Selangor akan turut serta dalam fiesta kali ini," katanya pada 11 September.

## RM3,000 juara liga bola jaring

**SHAH ALAM** - Warga Selangor dijemput untuk menyertai Kejohanan Liga Sukan Uniti Bola Jaring peringkat negeri pada 16 September bagi merebut hadiah wang tunai RM3,000.

Persatuan Bola Jaring Selangor memaklumkan juara layak mewakili negeri bertanding di peringkat kebangsaan sekali gus berpeluang merebut hadiah wang tunai RM10,000.

"Kejohanan ini dipertandingkan pada 16 September di Stadium Panasonic, Shah Alam untuk mencari juara yang bakal mewakili negeri di peringkat kebangsaan," katanya di Facebook pada 5 September.

Maklumat lanjut berkaitan kejohanan boleh hubungi 019-969 8856 (Adnin), 011-6104 0412 (Zulaiha) atau emel nerballuniti@gmail.com

### BANGGA...

Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah (dua, kiri) berjaya menawan puncak Gunung Kilimanjaro, Tanzania pada 8 September. Foto Facebook Selangor Royal Office



### Disertai pelbagai negara

## Festival cerita rakyat di Petaling Jaya

Oleh SOFIA NASIR

**SHAH ALAM** - Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menganjurkan Festival Cerita Rakyat Belia Asia Pasifik yang jumlah kali diadakan pada 21 hingga 26 September.

Negara yang menyertai acara itu antaranya China, India, Indonesia, Jepun, Thailand, Iran, Palestin, Filipina, dan Sri Lanka selain beberapa kolej kesenian

antarabangsa.

Menurut MBPJ, program dengan kerjasama Majlis Antarabangsa Festival dan Pertubuhan Kesenian Rakyat (Cl-OFF) Malaysia dijadual berlangsung di Pusat Bandar Seksyen 52, Petaling Jaya.

Program lima hari itu diisi persembahan kebudayaan, pameran dan persidangan seni, seminar kerjaya, perbincangan meja bulat, pertandingan tarian dan persembahan bunga api.

"Kerajaan Negeri pada 2015 meng-

syiharkan Petaling Jaya sebagai Kota Seni selaras dengan komitmen berterusan dan pencapaian MBPJ dalam usaha mempromosikannya," kata kenyataan itu.

Beberapa selebriti dan tokoh kesenian negara juga dijangka hadir termasuk pelakon dan pensyarah Dr Norzizi Zulkifli, komposer Azmeer dan sutradara Datuk Prof Razak Mohaideen.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amriudin Shari dijadual hadir majlis perasmian festival tersebut.

## RM5,000 bantu jurutera MSN

**KLANG** - Kerajaan Negeri menghulur bantuan RM5,000 kepada jurutera Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor yang terlibat kemalangan jalan raya pada Jun lalu.

EXCO Sukan Najwan Halimi berkata bantuan tunai sekali bayar itu diharap dapat meringankan beban Mohd Nur Farith Sakhba yang kini dijaga oleh keluarganya.

"Mewakili pihak MSN juga kami akan



bersama menjaga kebijakan seluruh warga MSN walaupun Mohd Nur Farith bekas pegawai MSN kita tetap memantau perkembangan serta keperluan beliau," katanya selepas Ziarah Pribatin pada 11 September.

Menurut Najwan pihaknya juga akan memastikan Mohd Nur Farith mendapatkan rawatan yang terbaik melalui rawatan rehabilitasi untuk proses pemulihan.

"Di peringkat MSN kita ada fasiliti yang boleh membantu untuk jalani proses fisioterapi memudahkan proses rawatan Mohd Nur Farith.

"Negeri juga dengan kerjasama Perkeso sedang merangka perancangan untuk menghantar beliau mendapatkan rawatan rehabilitasi di Melaka," katanya.

Kemalangan pada 17 Jun lalu mengakibatkan Mohd Nur Farith mengalami kecederaan teruk di bahagian kepala dan saraf ketika dalam perjalanan pulang dari tempat kerja.

21